

## BAB II

### STRUKTUR AL-IDAFAT DALAM BAHASA ARAB

#### 2.0 PENGENALAN

Dalam bab kedua ini, penulis akan menghuraikan struktur al-Idafat yang terdapat dalam bahasa Arab dan perbezaan pandangan nahuwan-nahuwan Arab tentang beberapa bentuk dan hukum yang berkaitan dengan struktur al-Idafat.

#### 2.1 DEFINISI AL-IDAFAT

Terdapat banyak definisi yang dikemukakan oleh nahuwan-nahuwan Arab tentang struktur al-Idafat. Definisi-definisi tersebut memberikan gambaran yang hampir sama tentang struktur al-Idafat.

Definisi al-Idafat dari sudut bahasa menurut al-Suyutiyy bermaksud الإِمَالَةُ ‘al-imalat, iaitu kecenderungan/kecondongan dan seumpamanya.<sup>2</sup> Contohnya adalah dalam ayat-ayat berikut :

- 1) ضَافَتِ الشَّمْسُ لِلْغُرُوبِ, perkataan ضَافَتِ bermaksud مَالَتْ ‘cenderung / condong’. Ayat ini bermaksud ‘Matahari condong ke arah barat untuk tenggelam’
- 2) أَضَفْتُ ظَهْرِي إِلَى الْحَائِطِ, bermaksud أَمَلْتُ إِلَيْهِ ‘Saya menyandarkan belakang saya ke dinding’

---

<sup>2</sup> Al-Suyutiyy, Hilal al-Din Abd al-Rahman bin Abu Bakr. 1998. *Hima' al-Hawami' Fi Syarh Jam' al-Jawami'*. Cet.2. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat, h. 411.

- 3) ضَافَ السَّهْمُ عَنِ الْهَدَفِ, perkataan ضَافَ bermaksud عَدَلَ ‘melencong’. Ayat ini bermaksud ‘Anak panah itu melencong daripada tujuannya’
- 4) أَضَفْتُ إِلَى فُلَانٍ, ayat ini bermaksud أَلَجَّئُهُ ‘Saya melindungkannya’
- 5) الْمُضَافُ فِي الْحَرْبِ, bermaksud بِهِ الْمَحَاطُ ‘yang dikelilingi dalam perang’
- 6) الْمُضَافُ بِالْقَوْمِ, bermaksud الْمَلْرُقُ بِالْقَوْمِ ‘yang bercampur dengan sesebuah kaum’
- 7) ضَافَ الْهَمَّ, bermaksud بِهِ نَزَلَ ‘dia mengalami kesusahan’
- 8) تَضَايَقَ الْوَادِي, bermaksud جَانِبَيْهِ إِلَى الْآخَرِ ‘Lembah itu menyempit seolah-olah salah satu sisinya condong ke sisi lainnya’
- 9) أَضَفْتُ مِنَ الْأَمْرِ, bermaksud أَشْفَقْتُ ‘Saya berhati-hati akan urusan itu’

Manakala definisi al-Idafaṭ dari sudut istilah menurut al-Suyutiyy adalah :<sup>3</sup>

نِسْبَةُ تَقْيِيدِيَّةٌ بَيْنَ اسْمَيْنِ تُوجِبُ لِثَانِيهِمَا الْجَرَ

Maksudnya : hubungan yang mengikat antara dua kata nama yang mewajibkan kata nama kedua digenitifkan.

Adapun definisi al-Idafaṭ mengikut Syaikh Mustafa al-Ghalayayniyy adalah :<sup>4</sup>

نِسْبَةُ بَيْنَ اسْمَيْنِ عَلَى تَقْدِيرِ حَرْفِ جَرٍّ تُوجِبُ جَرَ الثَّانِي أَبَدًا

Maksudnya : hubungan antara dua jenis kata nama dengan mengandaikan partikel Genitif yang mewajibkan kata nama kedua selamanya dibaca genitif.

Kata nama yang pertama disebut mudaf dan kata nama kedua disebut mudaf ilayh. Jadi mudaf dan mudaf ilayh adalah dua kata nama yang antara keduanya terdapat partikel Genitif yang diandaikan. ‘Amil genitif pada mudaf ilayh adalah mudaf, bukan

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> Syaikh Mustafa al-Ghalayayniyy. 1997. *Jami' al-Durus al-'Arabiyyat*. Juzuk.3. Cet.2. Beirut : al-Maktabat al-'Asriyyat, h. 205.

partikel Genitif yang diandaikan antara keduanya. Partikel-partikel Genitif yang diandaikan tersebut adalah :<sup>5</sup>

a. اللام

Al-Idafaṭ yang diandaikan dengan partikel Genitif اللام ini disebut juga al-Idafaṭ al-Lamiyyaṭ yang memberi makna kepemilikan atau pengkhususan. Contohnya adalah :

- 1) هَذَا حِصَانُ عَلِيٍّ ‘Ini kuda Ali’. Al-Idafaṭ al-Lamiyyaṭ ini memberi makna kepemilikan, yaitu kuda milik Ali.
- 2) اشْتَرَيْتُ لَبَنَ الصَّبِيِّ ‘Saya membeli susu bayi’. Al-Idafaṭ al-Lamiyyaṭ ini memberi makna pengkhususan, yaitu susu untuk bayi.

b. فِي

Al-Idafaṭ yang diandaikan dengan partikel Genitif فِي ini disebut juga al-Idafaṭ al-Zarfiyyaṭ. Keadaan mudaf ilayh merupakan zarf bagi mudaf. Idafaṭ ini bertujuan untuk menjelaskan masa atau tempat mudaf. Contohnya adalah :

- 1) سَهَرُ اللَّيْلِ مُضْنٍ ‘Berjaga di malam hari membebankan’. Al-Idafaṭ al-Zarfiyyaṭ ini mengandaikan makna partikel Genitif فِي, yaitu سَهَرٌ فِي اللَّيْلِ yang menjelaskan masa berlakunya berjaga, yaitu pada malam hari.
- 2) قُعُودُ الدَّارِ مُخْمِلٌ ‘Duduk di rumah menimbulkan kelemahan’. Al-Idafaṭ al-Zarfiyyaṭ ini mengandaikan partikel Genitif فِي, yaitu قُعُودٌ فِي الدَّارِ yang menjelaskan tempat berlakunya duduk, yaitu di rumah.

---

<sup>5</sup> *Ibid*, h. 206.

### c. مِنْ

Al-Idafaṭ yang diandaikan dengan partikel Genitif مِنْ ini disebut juga al-Idafaṭ al-Bayaniyyaṭ. Keadaan mudaf ilayh merupakan jenis daripada mudaf yang dapat menjelaskan bahawa keadaan mudaf adalah sebahagian daripada mudaf ilayh. Contohnya adalah :

- 1) هَذَا بَابٌ خَشَبٍ 'Ini adalah pintu kayu'. Al-Idafaṭ al-Bayaniyyaṭ ini mengandaikan makna partikel Genitif مِنْ, iaitu pintu daripada kayu.
- 2) ذَلِكَ سِوَارٌ ذَهَبٍ 'Itu adalah gelang emas'. Al-Idafaṭ al-Bayaniyyaṭ ini mengandaikan makna partikel Genitif مِنْ, iaitu gelang daripada emas.

Berdasarkan penjelasan contoh di atas mengenai al-Idafaṭ al-Bayaniyyaṭ, dapatlah dikatakan bahawa jenis pintu adalah daripada kayu dan jenis gelang adalah daripada emas. Pintu adalah sebahagian daripada kayu dan gelang adalah sebahagian daripada emas. Kayu menjelaskan jenis pintu dan emas menjelaskan jenis gelang.

Dalam al-Idafaṭ al-Bayaniyyaṭ ini, mudaf ilayh sah dijadikan sebagai khabar dari mudaf yang berfungsi sebagai muḩtada'. Jika kita mengucapkan هَذَا الْبَابُ خَشَبٌ وَهَذَا السِّوَارُ ذَهَبٌ 'Pintu ini adalah kayu dan gelang ini adalah emas', kedua-dua lafaz ini adalah benar menurut kaedah tatabahasa.

### d. الْكَافُ

Al-Idafaṭ yang diandaikan dengan partikel Genitif الْكَافُ ini disebut juga al-Idafaṭ al-Tasybihiyyaṭ. Musyabbah bihi diidafaṭkan kepada musyabbah. Contohnya

إِنْتَشَرَ الدَّمْعُ الَّذِي كَاللُّؤْلُؤِ عَلَى وَرَدِ الخُدُودِ : adalah diandaikan dengan 'Bertaburlah air mata seperti mutiara pada pipi seperti bunga Ros'.

#### e. عِنْدَ

Al-Idafaṭ yang diandaikan dengan partikel Genitif عِنْدَ ini tidak banyak ditemukan dalam bahasa Arab. Contohnya dalam pertuturan Arab هَذِهِ نَاقَةٌ رُقُودٌ الحَلَبِ andainnya adalah 'Ini unta yang tidur ketika diperah susunya'.<sup>6</sup>

Pada hakikatnya partikel Genitif yang diandaikan oleh nahuwan Arab di atas tidak wujud sama ada secara zahir atau andaian. Wujudnya hanya sekadar andaian nahuwan Arab sahaja kerana ia memerlukan partikel Genitif untuk menghubungkan makna sebelumnya kepada makna sesudahnya. Oleh itu, sebahagian nahuwan Arab berpendapat bahawa al-Idafaṭ bukanlah dengan andaian mana-mana partikel Genitif.<sup>7</sup>

Berdasarkan definisi-definisi yang dikemukakan oleh nahuwan-nahuwan Arab di atas,<sup>8</sup> dapatlah dirumuskan bahawa al-Idafaṭ adalah hubungan antara dua kata nama yang mewajibkan kata nama kedua digenitifkan. Antara kedua-dua kata nama ini terdapat partikel Genitif yang diandaikan, iaitu الكَافِ, عِنْدَ, مِنْ, فِي, واللامِ.

<sup>6</sup> Imil Badi' Ya'qub. 1998. *Mawsu'at al-Nahw Wa al-Sarf Wa al-I'rab*. Beirut : Dar al-'Ilm Li al-Malayin, h. 97.

<sup>7</sup> *Ibid*.

<sup>8</sup> lih juga dalam Ibn Jinni. 1958. *Al-Lam' Fi al-'Arabiyyat*. Beirut : Maktabat al-Nahdat al-'Arabiyyat, h. 136, Imil Badi' Ya'qub. 1998. *Mawsu'at al-Nahw Wa al-Sarf Wa al-I'rab*. Beirut : Dar al-'Ilm Li al-Malayin, h. 96, 'Azizat Fawwal Babatiyy. 1993. *al-Mu'jam al-Mufassal Fi al-Nahw al-'Arabiyy. Juzuk.1*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat, h. 172, Mahmud Husni Mughalasaṭ. 1997. *al-Nahw al-Syafiyy. Cet.3*. Beirut : Mu'assasaṭ al-Risalat, h. 364 dan Ahmad al-Hasyimiyy. 1998. *Al-Qawa'id al-Asasiyyat Li al-Lughat al-Arabiyyat*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat, h. 209.

## 2.2 PEMBAHAGIAN AL-IDAFAT

Secara amnya para ahli nahu membahagi al-Idafat kepada dua bahagian, iaitu al-Idafat al-Ma'nawiyat dan al-Idafat al-Lafziyyat.

### 2.2.1 AL-IDAFAT AL-MA'NAWIYYAT

Al-Idafat al-Ma'nawiyat ialah al-Idafat yang merujuk kepada maknanya dan bebas dari andaian pemisahan.<sup>9</sup> Contohnya adalah :

مِنْ خَيْرِ ضُرُوبِ الشَّجَاعَةِ كَلِمَةٌ حَقٌّ تُقَالُ فِي وَجْهِ حَاكِمٍ ظَالِمٍ

‘ Antara sebaik-baik bentuk keberanian ialah perkataan benar yang diucapkan di hadapan hakim yang zalim’

Struktur al-Idafat dalam contoh di atas ialah كَلِمَةٌ حَقٌّ, ضُرُوبِ الشَّجَاعَةِ, خَيْرِ ضُرُوبِ dan وَجْهِ حَاكِمٍ. Semua struktur al-Idafat ini merujuk kepada maknanya. Maksudnya dua kata nama ini merujuk kepada satu makna, iaitu ‘sebaik-baik bentuk’, ‘bentuk keberanian’, ‘perkataan benar’ dan ‘di hadapan hakim’. Struktur al-Idafat ini bebas dari andaian pemisahan kerana mudaf dan mudaf ilayh yang bergabung sudah menjadi satu perkataan baru dengan makna tertentu.

Syaykh Mustafa al-Ghalayayniyy mengatakan bahawa al-Idafat al-Ma'nawiyat ialah al-Idafat yang bertujuan mendefinitkan atau mengkhususkan mudaf. Maksudnya apabila mudaf ilayhnya adalah kata nama definit maka mudafnya menjadi definit.

---

<sup>9</sup> ‘Azizat Fawwal Babatiyy. 1993. *al-Mu'jam al-Mufasssal Fi al-Nahw al-'Arabiyy*. Juzuk.1. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat, h. 173

Manakala apabila mudaf ilayhnya kata nama indefinit maka mudafnya menjadi khusus.<sup>10</sup> Contohnya adalah :

1) هَذَا كِتَابُ مُحَمَّدٍ 'Ini kitab Muhammad'

Dalam contoh pertama ini, mudaf ilayhnya ialah perkataan مُحَمَّدٌ yang merupakan kata nama definit. Mudafnya menjadi definit kerana mudaf ilayhnya definit.

2) هَذَا كِتَابُ رَجُلٍ 'Ini kitab seorang laki-laki'

Dalam contoh kedua ini, mudaf ilayhnya ialah perkataan رَجُلٍ yang merupakan kata nama indefinit. Jadi mudafnya menjadi khusus kerana mudaf ilayhnya indefinit.

Ketentuan di atas dikecualikan apabila keadaan mudaf sememangnya berbentuk perkataan yang sentiasa bermakna mubham (samar) dan indefinit. Maksudnya kata nama samar ini tetap indefinit walaupun diidafatkan kepada kata nama definit. Tujuannya hanya untuk mengkhususkan mudaf tanpa mendefinitkannya.<sup>11</sup> Antara perkataan tersebut ialah مِثْلُ، شِبْهُ، عَيْرٌ dan نَظِيرٌ. Contohnya adalah :

جَاءَ رَجُلٌ غَيْرُكَ أَوْ مِثْلُ زَيْدٍ أَوْ شِبْهُ خَلِيلٍ أَوْ نَظِيرُ مُحَمَّدٍ

'Telah datang seorang lelaki selainmu, atau seperti Zaid, atau yang menyerupai Khalil, atau yang sebanding Muhammad'

Jika kita mengucapkan مِثْلُ زَيْدٍ 'Seperti Zaid', maka yang seperti Zaid itu banyak, sama ada dari tingginya, pekerjaannya atau kebaikannya. Keadaan ini tidak akan ada habisnya. Oleh itu, kata nama samar ini tidak menjadi definit walaupun diidafatkan kepada kata nama definit. Ia tetap samar kecuali kalau ada lafaz yang

<sup>10</sup> Al-Syaykh Mustafā al-Ghalayayniyy. 1997. *Jāmi' al-Durus al-'Arabiyya*. Juzuk.3. Cet.2. Beirut : al-Maktaba al-'Asriyya, h. 207

<sup>11</sup> 'Azizah Fawwal Babatiyy. 1993. *op.cit.*, h. 173

menjelaskan setelah struktur al-Idafaṭ ini. Contohnya adalah : *مِثْلُ زَيْدٍ فِي عَمَلِهِ* ‘Seperti Zaid dalam kerjayanya’.<sup>12</sup>

Perkataan-perkataan di atas berfungsi sebagai sifat kepada lafaz *رَجُلٌ*, sedangkan lafaz ini adalah kata nama indefinit. Seandainya lafaz-lafaz ini didefinitkan dengan al-Idafaṭ, tentu tidak boleh digunakan sebagai sifat kepada kata nama indefinit.

Begitu juga dengan kata nama yang diidafaṭkan kepada ganti nama yang kembali kepada kata nama indefinit, tidak menjadi definit kerana diidafaṭkan kepadanya. Contohnya adalah :

- 1) *جَاءَ رَجُلٌ وَ أَخُوهُ* ‘Telah datang seorang lelaki dan saudaranya’
- 2) *رُبَّ رَجُلٍ وَوَلَدِهِ* ‘Banyak sekali lelaki dan anaknya’
- 3) *كَمَ رَجُلٍ وَ أَوْلَادِهِ* ‘Banyak sekali lelaki dan anak-anaknya’

Dalam contoh-contoh di atas kata nama *أَخُوهُ*, *وَلَدٌ*, dan *أَوْلَادٌ* diidafaṭkan kepada ganti nama atau damir *هُ* yang kembali kepada kata nama *رَجُلٌ* yang berbentuk indefinit. Kata nama *أَخُوهُ*, *وَلَدٌ*, dan *أَوْلَادٌ* tidak menjadi definit kerana diidafaṭkan kepada kata nama yang kembali kepada kata nama yang indefinit.

Al-Ghalayayniyy juga menambahkan bahawa keadaan mudaf bukanlah kata sifat yang diidafaṭkan kepada ma‘mulnya. Maksudnya ia bukanlah kata sifat sama sekali atau ia adalah kata sifat yang diidafaṭkan kepada selain ma‘mulnya.<sup>13</sup> Contohnya adalah:

---

<sup>12</sup> Al-Suyutiyy, Hilal al-Din Abd al-Rahman bin Abu Bakr. 1998. *Hima‘ al-Hawami‘ Fi Syarh Jam‘ al-Jawami‘* Cet.2. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyaṭ, h. 414.

<sup>13</sup> Syaykh Mustafa al-Ghalayayniyy. 1997. *Jami‘ al-Durus al-‘Arabiyyaṭ*. Juzuk.3. Cet.2. Beirut : al-Maktabaṭ al-‘Asriyyaṭ, h. 207



1) مِفْتَاحُ الدَّارِ 'kunci rumah'

Dalam contoh ini, mudafnya bukan kata sifat yang diidafatkan kepada ma'mulnya. Maksudnya lafaz مِفْتَاحُ 'kunci' bukanlah kata sifat sama sekali. Oleh itu, lafaz الدَّارِ 'rumah' bukanlah ma'mulnya.

2) كَاتِبُ الْقَاضِي وَمَأْكُولُ النَّاسِ وَمَلْبُوسُهُمْ 'penulis hakim, makanan manusia, dan pakaian mereka'.

Dalam contoh kedua ini, mudafnya adalah kata sifat yang diidafatkan kepada bukan ma'mulnya. Maksudnya lafaz كَاتِبُ 'penulis', مَأْكُولُ 'makanan', مَلْبُوسُ 'pakaian' adalah kata sifat yang diidafatkan kepada bukan ma'mulnya, iaitu kepada lafaz الْقَاضِي 'hakim', النَّاسِ 'manusia', dan ganti nama هُمْ 'mereka'.

Secara amnya bentuk-bentuk mudaf dalam al-Idafaṭ al-Ma'nawiyyaṭ adalah mengandungi salah satu bentuk kata nama berikut:<sup>14</sup>

1. Kata nama jamid, seperti :

- a. Nama sesuatu. Contohnya adalah : رَجُلٌ 'lelaki', حَجَرٌ 'batu' dan حَبْلٌ 'tali'
- b. Masdar. Contohnya adalah : ضَرْبٌ 'pukulan', نَصْرٌ 'pertolongan' dan إِحْتِرَامٌ 'penghormatan'
- c. Ism masdar. Contohnya adalah : طَعَامٌ 'makanan'
- d. Zarf. Contohnya adalah : أَمَامَ 'di hadapan', قَبْلَ 'sebelum' dan lain-lain

2. Kata nama terbitan atau musytaq yang menyerupai kata nama jamid yang tidak ber'amal kepada kata nama setelahnya dan tidak menunjukkan perbuatan pada sesuatu masa. Termasuk dalam bentuk ini adalah kata nama tempat, kata nama masa

<sup>14</sup> Mahmud Husni Mughalasaṭ. 1997. *al-Nahw al-Syafiyy*. Cet.3. Beirut : Mu'assasaṭ al-Risalaṭ, h. 364.

dan kata nama alat, seperti مَلْعَبٌ ‘tempat bermain’, مَجْمَعٌ ‘masa berkumpul’ dan مِبْرَدٌ ‘alat penyejuk’. Juga termasuk dalam bentuk ini ialah kata nama terbitan atau musytaq yang menjadi kata nama khas yang telah hilang ciri-ciri asalnya dari aspek kejadian dan masa. Ciri-cirinya bertukar kepada sesuatu yang menunjukkan seseorang, seperti خَالِدٌ ‘Khalid’, جَمِيلٌ ‘Jamil’, حَسَنٌ ‘Hasan’ dan مَنْصُورٌ ‘Mansur’.

3. Kata nama terbitan atau musytaq yang tidak menunjukkan masa tetapi menunjukkan sifat yang lazim bagi pemiliknya, seperti مُعَلِّمُ الْمَدْرَسَةِ ‘guru sekolah’.
4. Kata nama terbitan atau musytaq yang menunjukkan masa lampau sahaja, seperti عَابِرُ الصَّحْرَاءِ أَمْسٍ كَانَ مُتَفَائِلًا ‘Orang yang melalui padang pasir semalam adalah orang yang optimis’.
5. Ism tafdil, seperti أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ أَخْلَاقًا ‘Orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah orang yang paling baik akhlaknya’.
6. Kata nama terbitan atau musytaq yang diidafaṭkan kepada zarf dengan syarat ia menunjukkan masa lampau atau selamanya, seperti مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ ‘Yang Menguasai hari pembalasan’.

Al-Idafaṭ al-Ma‘nawiyyaṭ disebut juga al-Idafaṭ al-Haqiqiyyaṭ, al-Idafaṭ al-Mahdaṭ dan al-Idafaṭ al-Muttasilaṭ.<sup>15</sup> Dinamakan al-Idafaṭ al-Ma‘nawiyyaṭ kerana tujuannya kembali kepada aspek makna, iaitu mendefinitkan mudaf dan mengkhususkannya. Dinamakan al-Idafaṭ al-Haqiqiyyaṭ kerana tujuannya untuk

<sup>15</sup> Imil Badi‘ Ya‘qub. 1998. *Mawsu‘at al-Nahw Wa al-Sarf Wa al-I‘rab*. Beirut : Dar al-‘Ilm Li al-Malayin, h. 96.

menghubungkan mudaf kepada mudaf ilayh. Tujuan ini merupakan tujuan hakiki dari al-Idafat. Dinamakan al-Idafat al-Mahdat kerana tiada pengandaian berpisahanya hubungan antara mudaf dan mudaf ilayh. Dinamakan al-Idafat al-Muttasilat kerana kuatnya hubungan antara mudaf dan mudaf ilaiyh.

### 2.2.2 AL-IDAFAT AL-LAFZIYYAT

Al-Idafat al-Lafziyyat adalah al-Idafat yang tidak bertujuan mendefinitkan dan mengkhususkan mudaf. Tujuannya adalah untuk meringankan ucapan dengan menggugurkan tanwin, nun tathniyyat atau nun jam'. Keadaan mudaf mestilah berbentuk kata nama pelaku, mubalaghat kata nama pelaku, kata nama objek atau sifat musyabbahat. Syaratnya kata sifat ini diidafatkan kepada pelaku atau objeknya dari aspek makna.<sup>16</sup> Contohnya adalah :

- 1) Kata Nama Pelaku : هَذَا الرَّجُلُ طَالِبُ الْعِلْمِ 'Lelaki ini penuntut ilmu'. Kata Nama Pelaku طَالِبُ الْعِلْمِ 'penuntut' diidafatkan kepada objeknya, iaitu الْعِلْمِ 'ilmu'.
- 2) Mubalaghat Kata Nama Pelaku : رَأَيْتُ رَجُلًا نَصَّارَ الْمَظْلُومِ 'Saya melihat lelaki penolong orang teraniaya'. Mubalaghat Kata Nama Pelaku نَصَّارَ 'penolong' di atas diidafatkan kepada objeknya, iaitu الْمَظْلُومِ 'orang teraniaya'.
- 3) Kata Nama Objek : أَنْصُرْ رَجُلًا مَهْضُومَ الْحَقِّ 'Tolonglah lelaki yang dihancurkan haknya'. Kata Nama Objek مَهْضُومَ 'yang dihancurkan' di atas diidafatkan kepada pelakunya, iaitu الْحَقِّ 'hak'.

---

<sup>16</sup> Syaykh Mustafa al-Ghalayayniyy. 1997. *Jami' al-Durus al-'Arabiyyat*. Juzuk.3. Cet.2. Beirut : al-Maktabat al-'Asriyyat, h. 208.

- 4) Kata Sifat Musyabbahat : عَاشِرٌ رَجُلًا حَسَنَ الْخُلُقِ : ‘Bergaullah dengan lelaki yang baik budi pekertinya’. Kata sifat musyabbahat حَسَنٌ ‘yang baik’ dalam contoh di atas diidafatkan kepada pelakunya, iaitu الْخُلُقِ ‘budi pekerti’.

Bukti bahawa mudaf masih tetap indefinit adalah mudaf tersebut disifatkan dengan kata nama indefinit seperti dalam contoh-contoh di atas. Ia juga boleh apabila mudaf berkedudukan sebagai bentuk Hal. Sebagaimana diketahui Hal selalu dalam keadaan indefinit. Contohnya adalah : جَاءَ خَالِدٌ بِاسِمِ الثَّعْرِ : ‘Khalid datang dalam keadaan tersenyum bibirnya’. Mudaf dalam contoh ini terletak pada perkataan بِاسِمِ yang berfungsi sebagai Hal dan Hal adalah indefinit.

Pada amnya mudaf ini berbentuk kata nama terbitan yang ber‘amal kepada mudaf ilayh. Dengan syarat masa yang ditunjukkannya mestilah masa sekarang, akan datang atau selamanya.<sup>17</sup> Jika kata nama terbitan yang ber‘amal kepada mudaf ilayh ini adalah masa lampau, maka ia bukanlah al-Idafaṭ al-Lafziyyat tetapi adalah al-Idafaṭ al-Ma‘nawiyat sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini.

Mudaf juga dapat dimasuki oleh partikel Genitif رَبِّ yang hanya ber‘amal kepada kata nama indefinit. Seperti ungkapan orang Arab ketika bulan Ramadan berakhir :

يَا رَبِّ صَائِمِهِ لَنْ يَصُومَهُ، وَيَا رَبِّ قَائِمِهِ لَنْ يَقُومَهُ

‘Hai kaum, ramai orang yang berpuasa tetapi tidak mendapat pahala puasanya dan hai kaum, ramai yang mendirikannya tetapi tidak mendapat pahala mendirikannya’.

---

<sup>17</sup> Imil Badi‘ Ya‘qub. 1998. *op.cit.*

Al-Idafat al-Lafziyyat disebut juga al-Idafat al-Majaziyyat, al-Idafat Ghayr al-Mahdat dan al-Idafat al-Munfasilat.<sup>18</sup> Dinamakan al-Idafat al-Majaziyyat kerana tujuannya hanya untuk meringankan ucapan sahaja. Dinamakan al-Idafat Ghayr al-Mahdat kerana ia bukan al-Idafat sebenar dengan makna yang dimaksudkan dari al-Idafat. Dinamakan al-Idafat al-Munfasilat kerana diandaikan berpisahny mudaf dengan mudaf ilayh.

## **2.3 HUKUM-HUKUM AL-IDAFAT**

Dalam al-Idafat terdapat dua hukum, iaitu wajib dan harus. Hukum yang wajib harus dijaga dan diaplikasikan dalam setiap penggunaannya dalam sesebuah ayat. Manakala yang harus dapat dipilih antara dua hukum yang telah dikemukakan oleh para nahuwan Arab. Di bawah ini akan dihuraikan hukum-hukum yang wajib dan harus bagi al-Idafat.

### **2.3.1 HUKUM-HUKUM YANG WAJIB DALAM AL-IDAFAT**

Hukum-hukum yang wajib dalam al-Idafat ada sebelas hukum, iaitu seperti berikut :<sup>19</sup>

1. Mudaf ilayh mestilah sentiasa genitif, sama ada genitif dari segi lafaz atau mahalliyy. Maksudnya jika ia mu‘rab maka ia genitif dari segi lafaz. Manakala jika ia mabniyy maka ia genitif mahalliyy. Contohnya adalah :

- مَنْ وَثِقَ بِأَعْوَانِ السُّوءِ لَقِيَ مِنْهُمْ شَرَّ الْمَصَائِبِ

<sup>18</sup> Imil Badi‘ Ya‘qub.1998, *op.cit.*

<sup>19</sup> ‘Abbas Hasan. 1974. *Al-Nahw al-Wafiiyy. Juzuk.3.* Mesir : Dar al-Ma‘arif, h. 6.

‘Barangsiapa yang percaya dengan bantuan-bantuan kejahatan maka dia akan menemukan musibah yang seburuk-buruknya daripada mereka’

Perkataan السُّوءِ ‘kejahatan’ dan المصائب ‘musibah-musibah’ adalah mudaf ilayh yang genitif dari segi lafaz dengan tanda baris bawah.

- مَنْ التَّمَسَّ تَقْوِيمَ مَا لَا يَسْتَقِيمُ كَانَ عَابِثًا ، وَإِخْفَاقَهُ مُحَقَّقًا

‘Barangsiapa yang meminta meluruskan sesuatu yang tidak akan lurus, ia hanya akan sia-sia dan kegagalanlah yang pasti timbul’

Perkataan مَا dalam contoh ini adalah mudaf ilayh yang mabniyy dengan tanda mati di tempat genitif. Manakala ganti nama الهاء dalam struktur إِخْفَاقَهُ adalah mudaf ilayh yang mabniyy dengan baris hadapan di tempat genitif.

- نِعْمَ الْعَرَبِيُّ؛ يُسْرِعُ لِلنَّجْدَةِ حِينَ يَدْعُوهُ الدَّاعِي

‘Sebaik-baik orang Arab adalah yang bersegera membantu ketika diseru oleh penyerunya’

Ayat kerjaan يَدْعُوهُ الدَّاعِي ‘diseru oleh penyerunya’ dalam contoh di atas adalah mudaf ilayh yang mabniyy di tempat genitif.

Di samping genitif secara lafaz dan mahalliyy, mudaf ilayh juga dapat dii‘rabkan secara taqdiriyy. Antaranya jika mudaf ilayh adalah kata nama maqsur atau manqus. Apabila kata nama maqsur dalam keadaan genitif, maka ia digenitifkan dengan

baris bawah yang diandaikan dengan alif. Manakala kata manqus digenitifkan dengan baris bawah yang diandaikan dengan ya.<sup>20</sup> Contohnya adalah :

- الْإِقْتِصَادُ سَبِيلُ الْغِنَى

‘Berjimat cermat adalah jalan menuju kekayaan’

Kata nama maqsur الْغِنَى ‘kekayaan’ dalam contoh di atas adalah mudaf ilayh yang digenitifkan dengan baris bawah yang diandaikan dengan alif.

- حَبَسْتُ صَاحِبَ الْجَانِي

‘Saya memenjarakan kawan penjenayah itu’

Kata nama manqus الْجَانِي ‘penjenayah’ dalam contoh di atas adalah mudaf ilayh yang digenitifkan dengan baris bawah yang diandaikan dengan ya’.

Jika mudaf ilayh mestilah sentiasa dalam keadaan genitif, maka mudaf wajib dalam bentuk kata nama dan i’rabnya mengikut keadaan dalam sesebuah ayat. Kebanyakan mudaf adalah dalam bentuk mu‘rab, seperti mubtada’, khabar, pelaku dan lain-lain. Contohnya adalah :

جَاءَ مُدْرِّسُ الْمَدْرَسَةِ

‘Guru sekolah itu telah datang’

Dalam contoh ini mudafnya adalah perkataan مُدْرِّسُ ‘guru’ yang mu‘rab dengan baris hadapan kerana ia adalah pelaku dari kata kerja جَاءَ ‘datang’.

---

<sup>20</sup> ‘Ali Jarim dan Mustafā Amin. *Al-Nahw al-Wadih Li al-Madāris al-Ibtidā’iyyat* – Juzuk 2. Beirut : al-Maktabat al-Lughawiyat, h. 31

Terdapat juga mudaf dalam bentuk mabniyy. Keadaannya yang mabniyy ini tidak menghalanginya untuk menjadi mudaf. seperti *حَيْثُ*, *إِذَا*, *إِذْ*, *لَدُنْ* dan lain sebagainya. Contohnya adalah :

إِجْلِسْ حَيْثُ يَجْلِسُ خَالِدٌ

‘Duduklah di mana Khalid duduk’

Kata nama *حَيْثُ* dalam ayat di atas adalah mudaf yang mabniyy. Walaupun ia mabniyy tetapi keadaannya tidak menghalanginya untuk menjadi mudaf. Ayat kerjaan yang terletak sesudahnya, iaitu *يَجْلِسُ خَالِدٌ* ‘Khalid duduk’ adalah mudaf ilayh yang mabniyy di tempat genitif.

2. Partikel *أل* di awal mudaf wajib digugurkan, dengan syarat *أل* ini adalah tambahan di awalnya untuk mendefinitkan dan ia mestilah merupakan *al-Idafaṭ al-Mahdat*. Contohnya adalah :

بِلَادُنَا تَاجُ الْفَخَارِ لِلشَّرْقِ ، وَهِيَ دُرَّةٌ عَقْدِهِ

‘Negara kita adalah mahkota kebanggaan bagi dunia timur dan ia adalah permata kalungnya’

Asalnya adalah *البِلَادُ*, *التَّاجُ*, *الدُّرَّةُ* dan *العَقْدُ*. Partikel *أل* digugurkan di setiap awal mudafnya. Jika partikel *أل* bukan tambahan, seperti *أَلْفٌ* dan *أَلْبَابٌ* maka partikel *أل*nya tidak digugurkan kerana *أل* dalam contoh di atas adalah asal bukan tambahan dan *أل* ini tidak bertujuan untuk mendefinitkan.

Jika *Idafaṭnya* adalah *al-Idafaṭ Ghayr al-Mahdat*, partikel *أل*nya juga wajib digugurkan kecuali dalam empat keadaan yang harus diletakkan *أل*, iaitu :<sup>21</sup>

<sup>21</sup> ‘Abbas Hasan. 1974. *Op.cit.*, h. 12.



- a. Jika partikel أل tersebut terletak pada mudaf, dengan syarat mudafnya adalah duaan atau jam‘ mudhakkar salim. Contohnya adalah :

أَنْتُمَا الصَّانِعَا مَعْرُوفٍ وَأَنْتُمُ الصَّانِعُو مَعْرُوفٍ

‘Kamu berdua adalah orang yang mengerjakan kebajikan dan kamu sekalian adalah orang yang mengerjakan kebajikan’

Dalam contoh ini mudafnya adalah الصَّانِعَا ‘dua orang yang berbuat’ yang berbentuk duaan dan الصَّانِعُو ‘orang-orang yang berbuat’ yang berbentuk jam‘ mudhakkar salim. Hukumnya harus meletakkan partikel أل pada mudaf.

- b. Jika partikel أل terletak pada mudaf dan mudaf ilayh pula berfungsi sebagai mudaf kepada kata nama yang dimulai dengannya. Contohnya adalah :

الْمُحِبُّ فِعْلِ الْخَيْرِ سَعِيدٌ

‘Orang yang mencintai perbuatan baik akan bahagia’

Dalam contoh ini, perkataan الْمُحِبُّ ‘orang yang mencintai’ adalah mudaf kepada perkataan فِعْلِ ‘perbuatan’ yang merupakan mudaf ilayh sekaligus mudaf kepada perkataan sesudahnya, iaitu الْخَيْرِ ‘baik’. Dalam keadaan ini harus meletakkan partikel أل dalam perkataan الْمُحِبُّ ‘orang yang mencintai’.

- c. Jika partikel أل terletak pada mudaf dan mudaf ilayh pula berfungsi sebagai mudaf kepada ganti nama yang kembali kepada lafaz yang menggunakan partikel أل. Contohnya adalah :

الْحَافِظُ دُرُوسِهِ نَاجِحٌ

‘Orang yang menghafal pelajarannya berjaya’

Perkataan الْحَافِظُ ‘orang yang menghafal’ dalam contoh di atas adalah mudaf yang menggunakan partikel أل. Manakala mudaf ilayh دُرُوسِهِ ‘pelajarannya’ berfungsi sebagai mudaf kepada ganti nama الهاء yang kembali kepada mudaf pertama yang menggunakan partikel أل, iaitu الْحَافِظُ ‘orang yang menghafal’.

d. Jika partikel أل terletak pada mudaf dan mudaf ilayh. Contohnya adalah :

الْوَالِدَانِ هُمَا الرَّحِيمَا الْقَلْبِ

‘Kedua orang tua adalah orang yang penyayang hatinya’.

Struktur al-Idafat dalam ayat ini adalah الرَّحِيمَا الْقَلْبِ ‘dua orang yang penyayang hatinya’. Dalam keadaan ini, hukumnya harus meletakkan partikel أل pada kedua-dua mudaf dan mudaf ilayhnya.

Nahuwan Kufah membolehkan masuknya partikel أل pada mudaf dalam al-Idafat al-Mahdat, dengan syarat mudafnya ‘adad dan mudaf ilayhnya ma’dud. Kedua-dua mudaf dan mudaf ilayh ini mestilah ada partikel أل. Contohnya adalah : قَرَأْتُ الثَّلَاثَةَ : الْكُتُبِ فِي السَّبْعَةِ الْأَيَّامِ ‘Saya membaca tiga buku dalam masa tujuh hari’. Hujah mereka dalam hal ini ialah kerana mereka biasa mendengarnya dari orang Arab dan banyak contoh sahih yang cukup bagi mereka untuk mengkiaskannya. Manakala nahuwan Basrah tidak membolehkannya kerana mereka berpendapat bahawa ‘adad dan ma’dud adalah satu bentuk ukuran dan ukuran ini tidak boleh dimasukkan partikel أل sebagaimana tidak boleh mengatakan اِشْتَرَيْتُ الرَّطْلَ الْفِضَّةَ ‘Saya membeli sekati perak’ dengan menggunakan struktur al-Idafat. Alasan mereka tidak boleh memasukkan partikel أل dalam ‘adad dan ma’dud adalah untuk berhati-hati.<sup>22</sup>

---

<sup>22</sup> *Ibid.*, h. 14.

Pada hakikatnya, hujah yang dikemukakan oleh nahuwan Kufah lebih kuat kerana mereka biasa mendengarnya dalam pertuturan Arab yang merupakan asas yang mempunyai keutamaan dan keunggulan. Oleh itu, tidak ada larangan untuk memasukkan partikel أل bagi siapa sahaja yang menghendaknya. Namun begitu mazhab Basrah lebih masyhur dan terkenal daripada mazhab Kufah.

3. Tanwin di akhir mudaf wajib digugurkan sebelum diidafatkan. Contohnya adalah :

بِنَاءُ الظُّلْمِ إِلَىٰ خَرَابٍ عَاجِلٍ ، وَكُلُّ بُنْيَانٍ عَدْلٍ فَغَيْرُ مُنْهَدِمٍ

‘Membuat kezaliman itu cepat membawa kehancuran dan setiap bangunan yang adil tidak akan roboh’.

Tanwin dalam ayat di atas digugurkan kerana al-Idafat, iaitu pada perkataan بِنَاءُ dan كُلُّ. Jika al-Idafat tidak ada maka, tanwin dikembalikan kepada asalnya, kecuali pada perkataan غَيْرُ kerana ia termasuk dalam perkataan yang dilarang menerima tanwin.

4. Nun tathniyyat, nun jam‘ mudhakkar salim dan mulhaqatnya wajib digugurkan jika ia terletak di akhir mudaf. Contohnya adalah :

• العَيْنُ تُعْرَفُ مِنْ عَيْنَيْ مُحَدَّثِهَا

‘Kemuliaan itu diketahui melalui kedua-dua mata penuturnya’

Perkataan عَيْنَيْ ‘kedua-dua mata’ adalah duaan. Nunnya digugurkan kerana ia adalah mudaf kepada perkataan مُحَدَّث ‘penutur’. Asalnya adalah عَيْنَانِ مُحَدَّثِهَا ‘kedua-dua mata penuturnya’.

• بَدَتِ الْحَقِيقَةُ غَيْرَ خَافٍ أَمْرُهَا # وَأَنَا عَلَيَّ يَشْهَدَانِ بِمَا بَدَا

‘Telah jelas kebenaran, tidak tersembunyi urusannya dan dua orang Ali bersaksi  
dengan apa yang jelas’

Perkataan اثنان ‘dua’ adalah mulhaq dari اثنان. Nunnya digugurkan kerana ia mudaf kepada perkataan علي ‘Ali’. Asalnya adalah اثنان علي ‘kedua-dua Ali’.

- الجُنُودُ حَارِسُو الْوَطَنِ # بَادِلُونَ أَرْوَاحِهِمْ فِي حِمَايَتِهِ

‘Para tentera adalah orang yang menjaga negeri dan mengorbankan nyawa mereka  
untuk melindunginya’.

Perkataan حَارِسُو ‘orang yang menjaga’ dan بَادِلُونَ ‘orang yang mengorbankan’ adalah jam’ mudhakkar salim. Nunnya digugurkan kerana ia adalah mudaf kepada perkataan الْوَطَنِ dan أَرْوَاحِ. Asalnya adalah حَارِسُونَ الْوَطَنِ ‘orang yang menjaga negeri’ dan بَادِلُونَ أَرْوَاحِهِمْ ‘orang yang mengorbankan nyawa mereka’.

- أَحَبُّ النَّاسِ لِلْمَرْءِ أَهْلُوهُ ؛ فَلَا يَفْضُ سِنِينَ حَيَاتِهِ فِي مَعَادَاتِهِمْ ، أَوْ مَقَاتِعِهِمْ

‘Orang yang paling dicintai seseorang adalah ahli keluarganya, maka beberapa tahun hidupnya janganlah dihabiskan untuk memusuhi mereka atau memutuskan silaturahim dengan mereka’

Perkataan أَهْلُو dan سِنِينَ adalah mulhaq jam’ mudhakkar salim. Nunnya digugurkan kerana ia mudaf kepada ganti nama هُ. Asalnya ialah أَهْلُونَهُ ‘keluarganya’ dan سِنِينَ حَيَاتِهِ ‘beberapa tahun hidupnya.’

Jika nun yang di akhir bukan untuk duaan atau jam' mudhakar salim atau mulhaqatnya, maka nun mudaf tidak boleh digugurkan. Contohnya nun di akhir kata tunggal سُلْطَانُ 'penguasa' pada struktur al-Idafaۃ سُلْطَانُ الْقَانُونِ 'penguasa undang-undang' atau di akhir jam' taksir بَسَاتِينُ 'kebun-kebun' pada struktur al-Idafaۃ بَسَاتِينُ الشَّامِ 'kebun-kebun Syam'.

Terdapat juga keadaan yang boleh digugurkan nunnya atau tidak digugurkan di akhir duaan atau jam' mudhakar salim kerana bukan struktur al-Idafaۃ. Keadaan ini berlaku untuk Idafaۃ Ghayr al-Mahdaۃ ketika mudafnya merupakan sifat yang ber'amal kepada ma'mul sesudahnya. Contohnya adalah : اِسْتَهَرَ الْمُتَّقِنُونَ الْعَمَلَ – اِسْتَهَرَ الْمُتَّقِنَانِ الْعَمَلَ 'Dua orang yang terampil bekerja itu terkenal – orang-orang yang terampil bekerja itu terkenal'. Ketika nun dikekalkan pada kata sifat الْمُتَّقِنَانِ dan الْمُتَّقِنُونَ, perkataan الْعَمَلَ dalam kedua-dua ayat ini adalah wajib di'rabkan sebagai objek bagi kata sifat. Apabila nunnya digugurkan ayat ini dapat diucapkan اِسْتَهَرَ الْمُتَّقِنَا الْعَمَلَ – اِسْتَهَرَ الْمُتَّقِينُ الْعَمَلَ. Dalam keadaan ini perkataan الْعَمَلَ boleh dalam dua bentuk, iaitu :

- a. Digenitifkan dengan menganggapnya sebagai mudaf ilayh dan kata sifat sebelumnya ialah mudaf. Nun di akhir duaan atau jam' digugurkan sebab al-Idafaۃ.
- b. Diakusatifkan dengan menganggapnya sebagai objek bagi kata sifat. Nunnya digugurkan untuk meringankan ucapan, bukan untuk al-Idafaۃ kerana kata sifat dalam ayat ini bukanlah mudaf. Nunnya digugurkan – walaupun tidak diidafaۃkan - mengikut pandangan nahuwan Arab yang membolehkan penggugurannya di akhir duaan dan jam' mudhakar salim, dengan syarat kedua-duanya merupakan

kata sifat yang dapat ber'amal dan hubungan partikel أل dan objek sesudahnya bukan genitif.<sup>23</sup>

5. Al-Idafat al-Mahdat wajib mengandungi partikel Genitif asli yang merupakan gambaran, andaian atau sebagai niat<sup>24</sup>, bukan sebenarnya atau fakta. Tujuan daripada andaian dengan partikel Genitif ini adalah untuk menghubungkan makna sebelumnya dengan makna sesudahnya. Juga untuk mengungkapkan hubungan maknawi antara mudaf dan mudaf ilayh dan untuk menjelaskan ikatan hukum yang terdapat antara keduanya. Hubungan yang kuat tidak akan nampak dan jelas kecuali dari makna partikel Genitif yang ditunjukkannya, dengan syarat partikel Genitif ini mestilah tersembunyi dan hanyalah andaian sahaja. Letaknya adalah antara mudaf dan mudaf ilaiyh sebagaimana telah dijelaskan dalam al-Idafat al-Ma'nawiyat.
6. Mudaf ilayh bertujuan untuk mendefinitkan atau mengkhususkan mudaf, dengan syarat al-Idafatnya adalah al-Idafat al-Mahdat sebagaimana juga telah dijelaskan dalam al-Idafat al-Ma'nawiyat.
7. Mudaf dan mudaf ilaiyh tidak boleh dipisahkan dengan kata nama Zahir atau ganti nama bariz atau selain kedua kata nama ini kerana mudaf dan mudaf ilayh adalah satu perkataan yang mempunyai dua bahagian sehingga tidak sah dipisahkan oleh apapun juga. Namun begitu mudaf dan mudaf ilayh boleh dipisahkan pada beberapa tempat secara am, iaitu :<sup>25</sup>
  - a. Mudaf adalah masdar dan mudaf ilayh adalah pelaku. Pemisah antara keduanya adalah objek atau zarf.

---

<sup>23</sup> *Ibid.*, h. 10.

<sup>24</sup> *Ibid.*, h. 16.

<sup>25</sup> *Ibid.*, h. 53.

- Contoh pemisah antara keduanya objek adalah :

حَمَلْتُ إِلَيْهِ مِنْ ثَنَائِي حَدِيقَةً # سَقَاهَا الْحِجَا سَقِيَّ - الرِّيَاضَ - السَّحَابِ

‘Aku membawakan taman kepadanya dengan pujianku yang disirami oleh akal seperti awan menyirami taman-taman’

Asalnya adalah سَقِيَّ السَّحَابِ الرِّيَاضَ. Dalam sajak ini objeknya terdapat pada lafaz الرِّيَاضَ ‘taman-taman’. Ia memisahkan antara mudaf dan mudaf ilayh, iaitu سَقِيَّ السَّحَابِ ‘siraman awan’.

- Contoh pemisah antara keduanya zarf adalah :

تَرَكُ - يَوْمًا - نَفْسِكَ مَعَ هَوَاهُ مُضِيرٌ

‘Membiarkan dirimu suatu hari bersama hawa nafsunya adalah merbahaya’

Asalnya adalah تَرَكُ نَفْسِكَ يَوْمًا. Kata nama terbitan تَرَكُ ‘meninggalkan’ diidafatkan kepada lafaz نَفْسِكَ ‘dirimu’. Pemisah antara keduanya adalah zarf zaman, iaitu يَوْمًا ‘suatu hari’.

- b. Mudaf adalah kata nama pelaku untuk masa sekarang atau akan datang dan mudaf ilayh adalah objeknya. Pemisah antara keduanya sama ada objek kedua atau zarf atau partikel Genitif dan lafaz yang digenitifkan.

- Contoh pemisah antara keduanya objek kedua adalah :

مَا زَالَ يُوقِنُ مَنْ يُؤْمِكُ بِالْغِنَى # وَسِوَاكَ مَانِعٌ - فَضْلُهُ - الْمُحْتَاJ

‘Orang yang menjadi ikutanmu masih yakin dengan kekayaan dan orang selainmu menghalang kemuliaan orang yang memerlukan’

Asalnya sebelum diidafatkan adalah مَانِعُ الْمُحْتَاجِ فَضْلُهُ ‘orang yang menghalang kemuliaan orang yang memerlukan’. Kata nama pelaku dalam contoh ini, iaitu lafaz مَانِعُ ‘yang menjaga’ mengakusatifkan dua objek, iaitu الْمُحْتَاجُ ‘yang memerlukan’ dan فَضْلُهُ ‘kemuliaannya’. Kemudian lafaz مَانِعُ ini diidafatkan kepada objek yang pertama. Manakala objek kedua tetap dalam keadaan akusatif tapi ia didahulukan dan memisahkan mudaf dan mudaf ilayh.

- Contoh pemisah antara keduanya zarf adalah :

وَدَاعٍ إِلَى الْهَيْجَا وَلَيْسَ كِفَاءَهَا # كَجَالِبٍ - يَوْمًا - حَتْفِهِ بِسِلَاحِهِ

‘Orang yang menyeru kepada peperangan tetapi tidak memenuhinya seperti  
‘orang yang mencabut kematiannya dengan senjatanya pada suatu hari’

Asalnya adalah جَالِبٍ حَتْفِهِ بِسِلَاحِهِ يَوْمًا ‘orang yang mencabut kematiannya dengan senjatanya pada suatu hari’. Kata nama pelakunya adalah جَالِبٍ ‘yang mencabut’. Ia diidafatkan kepada lafaz حَتْفِهِ ‘kematiannya’. Kedua-dua mudaf dan mudaf ilayh ini dipisahkan oleh zarf يَوْمًا ‘pada suatu hari’.

- Contoh pemisah antara keduanya partikel Genitif dan lafaz yang digenitifkan adalah :

هَلْ أَنْتُمْ تَارِكُوْ - لِيْ - صَاحِبِيْ

‘Apakah kamu sekalian yang meninggalkan kawanku kepadaku’

Asalnya adalah تَارِكُوْ صَاحِبِيْ لِيْ ‘orang yang meninggalkan kawanku kepadaku’. Kata nama pelakunya adalah تَارِكُوْ ‘yang meninggalkan’. Ia diidafatkan



kepada lafaz صَاحِبِي 'kawanku'. Kedua-dua mudaf dan mudaf ilayh ini dipisahkan oleh partikel Genitif dan lafaz yang digenitifkan لِي 'kepadaku'.

c. Pemisah adalah lafaz sumpah atau إِمَّا atau ayat syarat, sama ada mudaf dalam bentuk separa ayat (syibh jumlat) atau bentuk lainnya.

- Contoh pemisah mudaf dan mudaf ilayh lafaz sumpah adalah :

شَرُّ - وَاللَّهِ - الْبِلَادِ بِلَادٌ لَا عَدْلَ فِيهَا وَلَا أَمْنٌ

'Seburuk-buruk negeri demi Allah adalah negeri yang di dalamnya tidak ada keadilan dan keamanan'

Asalnya adalah شَرُّ الْبِلَادِ وَاللَّهِ 'seburuk-buruk negeri demi Allah'. Lafaz sumpah وَاللَّهِ 'demi Allah' dalam ayat di atas memisahkan mudaf شَرُّ 'seburuk-buruk' dan mudaf ilayh الْبِلَادِ 'negeri'.

- Contoh pemisah mudaf dan mudaf ilayh lafaz إِمَّا adalah :

هُمَا خُطَّتَا - إِمَّا - إِسَارٍ وَمِنَّةٍ # وَإِمَّا دَمٍ، وَالْقَتْلُ بِالْحُرِّ أَجْدَرُ

'Keduanya adalah dua cara penawanan, sama ada dengan membebaskan atau menyiksanya. Namun membunuh orang yang merdeka lebih layak'

Asalnya adalah هُمَا خُطَّتَا إِسَارٍ إِمَّا وَمِنَّةٍ وَإِمَّا دَمٍ 'dua cara penawanan, sama ada dengan membebaskan atau menyiksanya'. Nun duaan pada perkataan خُطَّتَا 'dua cara' digugurkan kerana mudaf. Mudaf ilayhnya adalah إِسَارٍ 'penawanan'. Mudaf dan mudaf ilayh ini dipisahkan oleh lafaz إِمَّا.

- Contoh pemisah mudaf dan mudaf ilayh ayat syarat adalah :

هَذَا غُلَامٌ - إِنْ شَاءَ اللَّهُ - أَخِيكَ

‘Ini adalah anak lelaki saudara lelakimu Insya Allah’

Asalnya adalah هَذَا غُلَامٌ إِنْ شَاءَ اللَّهُ ‘Ini adalah anak lelaki saudara lelakimu Insya Allah’. Mudaf غُلَامٌ ‘anak lelaki’ dan mudaf ilayh أَخِيكَ ‘saudara lelakimu’ dipisahkan oleh ayat syarat إِنْ شَاءَ اللَّهُ ‘jika Allah menghendaki’.

- d. Pemisah adalah مَا الرَّائِدَةَ ketika mudaf menjadi munada, dan partikel nida’nya adalah يَا. Contohnya adalah :

يَا شَاةَ - مَا - فَنَصِّ لِمَنْ حَلَّتْ لَهُ # حَرُمْتُ عَلَيَّ وَلَيْتَهَا لَمْ تُحْرَمَ

‘Wahai biri-biri buruan ! Bagi siapa yang melepaskannya, maka haram bagiku dan mudah-mudahan ia tidak diharamkan’

Asalnya adalah يَا شَاةَ قَنَصِ ‘wahai beri-beri buruan’. Mudafnya adalah lafaz شَاةَ ‘beri-beri’ dan mudaf ilayhnya adalah قَنَصِ ‘buruan’. Kedua-dua mudaf dan mudaf ilayh ini dipisahkan oleh مَا الرَّائِدَةَ.

- e. Pemisah adalah tawkid lafziyy dengan syarat mudafnya adalah munada yang lafaznya berulang-ulang tanpa mengidafatkan lafaz untuk tawkid tersebut.

Contohnya adalah :

يَا صَلاَحَ - صَلاَحَ - الدِّينِ الأَيُّوبِيِّ ، مَا أَطِيبَ سِيرَتَكَ

‘Wahai Salah – Salahuddin al-Ayyubiyy ! Alangkah bagusny jalan hidupmu’

Asalnya adalah يَا صَلَاحَ الدِّينِ الأَيُّوبِي. Mudafnya adalah صَلَاح dan mudaf ilayhnya adalah الدِّينِ. Kedua-dua mudaf dan mudaf ilayh ini dipisahkan oleh tawkid lafziyy dari mudaf.

Di samping bentuk-bentuk di atas, mudaf dan mudaf ilayh juga boleh dipisahkan di tempat-tempat tertentu kerana dalam keadaan darurat sajak, iaitu :<sup>26</sup>

- a. Jika mudaf adalah kata nama yang menyerupai kata kerja dari aspek ‘amal dan ia menominatifkan kata sesudahnya. Pemisah mudaf dan mudaf ilayh adalah pelakunya. Contohnya adalah :

نَرَى أَسْهَمًا لِلْمَوْتِ تُصْمِي وَلَا تُنْمِي # وَلَا نَرَعُوِي عَنْ نَقْضِ - أَهْوَاؤُنَا - الْعَزْمِ

‘Kita melihat anak panah kematian mengenai sasaran dan tidak tersasar dan kita tidak berpaling dari hawa nafsu kita yang merobohkan azam’

Mudaf dan mudaf ilayh dalam contoh ini dipisahkan oleh lafaz أَهْوَاؤُنَا ‘hawa nafsu kita’. Ia adalah pelaku masdar yang berposisi sebagai mudaf. Asalnya adalah عَنْ أَنْ تَنْقُضَ أَهْوَاؤُنَا الْعَزْمَ atau عَنْ نَقْضِ الْعَزْمِ أَهْوَاؤُنَا ‘dari hawa nafsu yang merobohkan azam’.

- b. Pemisah antara mudaf dan mudaf ilayh adalah sesuatu yang asing dari mudaf. Maksudnya pemisah tersebut adalah ma‘mul bagi ‘amil lain selain mudaf. Contohnya pemisahan dengan pelaku asing (فاعل أجنبي) dalam sajak berikut :

أُنْجَبَ أَيَّامَ - وَالِدَاهُ بِهِ - # إِذْ نَجَلَاهُ ؛ فَنِعْمَ مَا نَجَلَا

‘Menjadi ibu bapalah kedua orang tuanya pada hari ketika mereka melahirkannya. Alangkah indahnyanya apa yang mereka lahirkan’

<sup>26</sup> *Ibid.*, h. 55.

Dalam sajak ini mudafnya adalah lafaz أَيَّامَ ‘hari’ dan mudaf ilayhnya adalah إِذْ نَجَلَاهُ ‘ketika mereka berdua melahirkannya’. Pemisah mudaf dan mudaf ilayh adalah وَالِدَاهُ ‘kedua orangtuanya’ yang merupakan pelaku bagi kata kerja أَنَجَبَ ‘menjadi ibu bapa’ yang tiada hubungan dengan mudaf.

c. Pemisah adalah objek asing (مفعول أجنبي). Contohnya adalah :

تَسْقِي امْتِيَا حَا نَدَى - الْمِسْوَاكُ - رِيْقَتِيهَا # كَمَا تَضْمَنَ مَاءَ الْمُرْتَةِ الرَّصْفُ

‘Dia menyiram air liurnya yang basah kepada alat sugi sebagai celupan  
sebagaimana batu-batu yang bersusun mengandungi air hujan’

Kata kerja تَسْقِي ‘menyiram’ dalam sajak di atas memerlukan dua objek. Objek pertamanya adalah نَدَى ‘basah’, manakala objek keduanya adalah الْمِسْوَاكُ ‘alat sugi’. Objek pertama نَدَى ‘basah’ yang berkedudukan sebagai mudaf dan mudaf ilayhnya رِيْقَتِيهَا ‘air liurnya’ dipisahkan oleh objek kedua, iaitu الْمِسْوَاكُ ‘alat sugi’. Asalnya adalah تَسْقِي نَدَى رِيْقَتِيهَا الْمِسْوَاكُ. Mudaf نَدَى ‘basah’ dan mudaf ilayh رِيْقَتِيهَا ‘air liurnya’ dipisahkan oleh objek asing (مفعول أجنبي), iaitu lafaz الْمِسْوَاكُ ‘alat sugi’. Ia adalah ma‘mul kepada kata kerja تَسْقِي ‘menyiram’, bukan ma‘mul kepada mudaf.

d. Pemisah adalah zarf asing (ظرف أجنبي) yang bukan ma‘mul bagi mudaf.

Contohnya adalah :

كَمَا خُطَّ الْكِتَابُ بِكَفِّ - يَوْمًا - # يَهُودِيٌّ يُقَارِبُ أَوْ يَزِيلُ

‘Sebagaimana buku itu ditulis pada suatu hari dengan tangan orang Yahudi.

Perkataan dan huruf-huruf tersebut saling mendekati atau saling menjauhi’

Asalnya adalah كَمَا خُطَّ الْكِتَابُ يَوْمًا بِكَفِّ يَهُودِيٍّ ‘Sebagaimana buku itu ditulis pada suatu hari dengan tangan orang Yahudi’. Mudaf كَفِّ ‘tangan’ dan mudaf ilayh يَهُودِيٍّ ‘orang Yahudi’ dipisahkan oleh zarf asing (ظرف أجنبي), iaitu يَوْمًا ‘pada suatu hari’.

- e. Pemisah adalah partikel Genitif dan lafaz digenitifkan yang asing (جرو مجرور (أجنبيان)). Contohnya adalah :

هُمَا أَخَوَا - فِي الْحَرْبِ - مَنْ لَا أَخَا لَهُ # إِذَا خَافَ يَوْمًا نَبُوَّةً فَدَعَاهُمَا

‘Keduanya adalah dua orang saudara bagi orang yang tidak ada saudara dalam perang apabila ia takut pada panah pada suatu hari, maka ia memanggil kedua orang saudaranya’

Asalnya adalah هُمَا أَخَوَا مَنْ لَا أَخَا لَهُ فِي الْحَرْبِ ‘Keduanya adalah dua orang saudara bagi orang yang tidak ada saudara dalam perang’. Mudaf أَخَوَا ‘dua orang saudara’ dan mudaf ilayh مَنْ لَا أَخَا لَهُ ‘orang yang tidak ada saudara’ dipisahkan oleh partikel Genitif dan lafaz yang digenitifkan, iaitu فِي الْحَرْبِ ‘dalam perang’.

- f. Pemisah adalah kata sifat mudaf. Contohnya adalah :

وَلَيْنَ حَلَفْتُ عَلَى يَدَيْكَ لِأَحْلِفَنَّ # بِيَمِينٍ - أَصْدَقَ مِنْ يَمِينِكَ - مُقْسِمٍ

‘Jika saya bersumpah di atas kedua tanganmu, sungguh saya akan bersumpah dengan tangan kanan orang yang bersumpah yang paling jujur dari sumpahmu’

Asalnya adalah بِيَمِينٍ مُقْسِمٍ أَصْدَقَ مِنْ يَمِينِكَ ‘dengan tangan kanan orang yang bersumpah yang paling jujur dari sumpahmu’. Mudaf يَمِينٍ ‘bahagian kanan’ dan

mudaf ilayh مُقْسِمٌ ‘orang yang bersumpah’ dipisahkan oleh kata sifat mudaf أَصْدَقُ ‘yang paling jujur’.

g. Pemisah adalah nida’. Contohnya adalah :

كَأَنَّ بَرْدُونَ - أَبَا عِصَامٍ - # زَيْدٍ حِمَارٌ دُقَّ بِاللِّجَامِ

‘Seolah-olah kuda Zaid Wahai Abu ‘Isam seperti keldai yang dipukul dengan  
kegang kuda’

Asalnya adalah كَأَنَّ بَرْدُونَ زَيْدٍ يَا أَبَا عِصَامٍ. Mudaf بَرْدُونَ ‘kuda’ dan mudaf ilayh زَيْدٍ ‘Zaid’ dipisahkan oleh nida’ أَبَا عِصَامٍ ‘Abu ‘Isam’.

Nahuwan Basrah berpendapat bahawa mudaf dan mudaf ilayh tidak boleh dipisahkan kecuali dalam keadaan darurat sajak. Menggunakan pendapat mereka ini lebih utama untuk menjaga kejelasan makna dan susunan ayat. Tidak diragukan lagi bahawa memisahkan mudaf dan mudaf ilayh bererti menghuraikan satu makna yang tersembunyi. Oleh itu kita perlu pandai dalam memilih dan memahami makna yang tersembunyi itu. Pemisahan mudaf dan mudaf ilayh ini sememangnya sesuatu yang pelik bagi pertuturan dan pendengaran, terutama pada masa sekarang ini. Kita masih dibolehkan untuk menggunakan mana-mana pandangan di atas jika tidak ada alternatif lain kecuali dengan memisahkan mudaf dan mudaf ilayh. Hal ini boleh dilakukan dengan syarat ada qarinah atau petanda dan tidak menimbulkan kesamaran dan ketidakjelasan erti perkataannya.<sup>27</sup>

8. Mudaf dapat terpengaruh daripada mudaf ilayh yang wajib didahulukan. Dengan syarat mudaf ilayhnya adalah lafaz yang wajib didahulukan. Hukum ini dapat

---

<sup>27</sup> *Ibid.*, h. 58.

berpindah daripada lafaz kedua kepada lafaz pertama. Maksudnya apabila mudaf ilayh adalah lafaz yang sememangnya wajib didahulukan dalam sesebuah ayat - seperti kata nama tanya - maka hukum mendahulukannya tidak berlaku lagi ketika ia berposisi sebagai mudaf ilayh dan hukum mendahulukannya berpindah kepada mudaf yang bukan lafaz yang pasti didahulukan. Contohnya adalah :

- a. Mubtada' wajib didahulukan dalam ayat : **كِتَابٌ مَنْ مَعَكَ ؟** 'Buku siapa yang ada padamu?'. Asalnya adalah **مَعَكَ كِتَابٌ مَنْ ؟** 'Yang ada padamu buku siapa?'.
- b. Khabar wajib didahulukan dalam ayat : **صَبَاحَ أَيِّ يَوْمٍ السَّفَرُ ؟** 'Pada pagi hari apa perjalanan itu?'. Asalnya adalah **السَّفَرُ صَبَاحَ أَيِّ يَوْمٍ ؟** 'Perjalanan pada pagi hari apa?'.
- c. Objek wajib didahulukan dalam ayat : **دَعْوَةَ أَيِّهِمْ تُجِيبُ ؟** 'Jemputan siapa yang kamu penuhi ?'. Asalnya adalah **تُجِيبُ دَعْوَةَ أَيِّهِمْ ؟** 'Kamu memenuhi jemputan siapa ?'.
- d. Partikel Genitif dan majrur wajib didahulukan dalam ayat : **مِنْ بِلَادِ أَيِّ الْأَنْصَارِ ؟** 'Dari negeri Ansar mana kamu datang ?'. Asalnya adalah **أُقْبِلَتْ مِنْ بِلَادِ ؟** 'Kamu datang dari negeri Ansar mana?'.

Kata nama tanya **مَنْ** dan **أَيِّ** dalam contoh-contoh di atas mestilah didahulukan atau diletakkan di awal ayat kerana ia sememangnya lafaz yang wajib didahulukan. Hukum ini tidak berlaku lagi kerana ia berkedudukan sebagai mudaf ilayh. Kedudukannya sebagai lafaz yang wajib didahulukan digantikan oleh mudaf yang asalnya bukanlah lafaz yang sememangnya wajib didahulukan.

9. Mudaf wajib didahulukan daripada mudaf ilayh, begitu juga daripada ma'mul mudaf ilayh. Mudaf ilayh atau ma'mulnya tidak boleh didahulukan, sama ada

ma‘mul ini tunggal, ayat atau separa ayat (syibh jumlat) kecuali dalam satu keadaan, iaitu jika mudaf adalah kata nama **غَيْرٌ** yang bermaksud menafikan. Dalam ayat **أَنَا مُرْشِدُ الْعُرَبَاءِ** ‘Saya adalah pemimpin orang-orang yang merantau’ tidak boleh diucapkan **أَنَا الْعُرَبَاءِ مُرْشِدٌ** ‘Saya orang-orang yang merantau pemimpin’. Begitu juga dalam ayat **أَنَا مِثْلُ كَاتِبٍ سَطُورًا** ‘Saya seperti penulis barisan-barisan’ tidak boleh diucapkan **أَنَا - سَطُورًا - مِثْلُ كَاتِبٍ** ‘Saya - barisan-barisan - seperti penulis’.

Manakala dalam ayat **أَنَا غَيْرٌ مُنْكَرٍ فَضْلًا** ‘Saya tidak menolak akan kelebihan’ boleh diucapkan **أَنَا - فَضْلًا - غَيْرٌ مُنْكَرٍ** ‘Saya - akan kelebihan - tidak menolak’ kerana boleh diucapkan **أَنَا - فَضْلًا - لَا أُنْكَرُ** ‘Saya - akan kelebihan - tidak menolak’. Apabila kata nama **غَيْرٌ** di sini tidak bermaksud menafikan, maka ma‘mul mudaf ilayh tidak boleh didahulukan. Contohnya dalam ayat **فَازَ الْمُتَسَابِقُونَ غَيْرَ رَاكِبٍ فَرَسًا** ‘Orang-orang yang berlumba itu telah menang kecuali penunggang kuda’ tidak boleh diucapkan **فَازَ الْمُتَسَابِقُونَ فَرَسًا غَيْرَ رَاكِبٍ** ‘Orang-orang yang berlumba itu telah menang kuda kecuali penunggang’ kerana tiada maksud penafian pada kata nama **غَيْرٌ** dan ia memberi makna bahawa tidak sah meletakkan partikel nafi dan kata kerja kala kini pada tempatnya bersama dengan majrurnya. Ia tidak dapat dikatakan **فَازَ الْمُتَسَابِقُونَ لَا يَرْكَبُ فَرَسًا** ‘Orang-orang yang berlumba telah menang tidak menunggang kuda’ kerana tidak ada pengikat yang sesuai dalam ayat ini.

Berdasarkan penjelasan di atas dapatlah kita fahami maksud yang dikatakan oleh nahuwan Arab bahawa mudaf ilayh tidak ber‘amal sesuatupun kepada mudaf dan lafaz sebelum mudaf kecuali dalam satu keadaan seperti yang dijelaskan diatas.



10. Mudaf yang bukan masdar dapat terpengaruh daripada mudaf ilayh yang berbentuk masdar. Antaranya jika asal mudafnya adalah kata nama tanya. Contohnya adalah :

سَيَعْلَمُ التَّلْمِيذُ أَيَّ كِتَابَةٍ يَكْتُبُ

‘Murid itu akan mengetahui tulisan apa yang akan ditulisnya’

Asalnya adalah سَيَعْلَمُ التَّلْمِيذُ يَكْتُبُ أَيَّ كِتَابَةٍ atau سَيَعْلَمُ التَّلْمِيذُ أَيَّ كِتَابَةٍ يَكْتُبُ.

Kata nama أَيَّ pada asalnya adalah kata nama tanya. Dalam ayat ini ia berkedudukan sebagai objek mutlak (maf‘ul mutlaq). Manakala perkataan yang mengakusatifkannya adalah kata kerja kala kini يَكْتُبُ ‘menulis’. Ia menggantikan posisi masdar pertama, iaitu كِتَابَةٌ ‘tulisan’. Oleh itu ia dinamakan na’ib masdar dan terpengaruh oleh masdar yang terdapat pada mudaf ilayh.

11. Mudaf dapat terpengaruh daripada mudaf ilayh yang berbentuk zarf. Dengan syarat mudafnya adalah lafaz كُلُّ ‘setiap’ atau بَعْضُ ‘sebahagian’ atau sesuatu yang menunjukkan keseluruhan (كُلِّيَّةٌ) atau sebahagian (جُزْئِيَّةٌ) dan mudaf ilayh asalnya adalah zarf. Contohnya adalah :

مَشَيْتُ كُلَّ النَّهَارِ وَبَعْضَ اللَّيْلِ

‘Saya berjalan sepanjang siang dan sebahagian malam’

Dalam contoh di atas, mudaf كُلُّ ‘sepanjang’ pada struktur al-Idafatِ النَّهَارِ ‘sepanjang siang’ dan mudaf بَعْضَ اللَّيْلِ ‘sebahagian malam’ pada struktur al-Idafatِ اللَّيْلِ ‘sebahagian malam’ terpengaruh oleh mudaf ilayh yang berbentuk zarf, iaitu diakusatifkan dengan baris atas kerana mudaf ilayh النَّهَارِ ‘siang’ dan اللَّيْلِ ‘malam’ pada asalnya adalah zarf.

### 2.3.2 HUKUM-HUKUM YANG HARUS DALAM AL-IDAFAT

Di samping hukum-hukum yang wajib dalam al-Idafat, terdapat empat hukum yang harus dalam al-Idafat, iaitu :<sup>28</sup>

1. Mudaf maskulin boleh menjadi feminin kerana mudaf ilayhnya adalah feminin, dengan dua syarat, iaitu:
  - a. Mudaf adalah sebahagian daripada mudaf ilayh, seolah-olah sebahagiannya (مثل كل له) atau, keseluruhannya (جزئه).
  - b. Mudaf layak digugurkan dan tempatnya digantikan oleh mudaf ilayh tanpa merubah makna.

- Contoh mudaf yang merupakan sebahagian daripada mudaf ilayh adalah :

أَسْرَعَتْ بَعْضُ السَّحَابِ حِينَ سَاقَتْهَا بَعْضُ الرِّيحِ

‘Sebahagian awan bergerak laju ketika dibawa oleh sebahagian angin’

Asalnya adalah أَسْرَعَتْ بَعْضُ السَّحَابِ حِينَ سَاقَتْهَا بَعْضُ الرِّيحِ. Ta’ Ta’nith diletakkan pada akhir kata kerja أَسْرَعَتْ ‘laju’ dan سَاقَتْ ‘membawa’ untuk menunjukkan bahawa pelakunya adalah feminin, iaitu kata nama بَعْضُ ‘sebahagian’ padahal kata nama بَعْضُ ‘sebahagian’ adalah maskulin dari segi lafaznya. Ia menjadi feminin kerana mudaf ilayh yang terletak sesudahnya adalah feminin, iaitu kata nama السَّحَابُ ‘awan-awan’ dan الرِّيحُ ‘angin’. Oleh itu, sah menjadikannya kata kerja feminin kerana pelaku yang berposisi sebagai mudaf adalah sebahagian daripada mudaf ilayh. Dalam keadaan ini, mudaf boleh digugurkan, cukup hanya dengan mudaf ilayh tanpa merubah maknanya. Ia

---

<sup>28</sup> *Ibid.*, h. 63.

boleh diucapkan أَسْرَعَتِ السَّحَابُ حِينَ سَاقَتْهَا الرِّيحُ ‘Awan-awan itu bergerak laju ketika dibawa oleh angin’.

- Contoh mudaf yang seolah-olah sebahagian mudaf ilayh adalah :

وَمَا حُبُّ الدِّيَارِ شَعَفَنَ قَلْبِي # وَلَكِنْ حُبُّ مَنْ سَكَنَ الدِّيَارَا

‘Tidaklah mencintai rumah-rumah itu memabukkan cinta hatiku, tetapi  
mencintai orang yang tinggal di rumah-rumah itu’

Asalnya adalah وَمَا حُبُّ الدِّيَارِ شَعَفَنَ قَلْبِي # وَلَكِنْ حُبُّ مَنْ سَكَنَ الدِّيَارَا.

Kata nama حُبُّ ‘mencintai’ yang pertama adalah muftada’ maskulin, khabarnya adalah ayat kerjaan شَعَفَنَ ‘memabukkan’. Pengikat antara muftada’ dan khabarnya adalah ganti nama feminin النون. Lafaz yang kembali kepada muftada’ maskulin sah menjadi ganti nama feminin kerana muftada’ maskulin adalah mudaf kepada kata nama الدِّيَارِ ‘rumah-rumah’ yang merupakan mudaf ilayh feminin. Oleh itu, mudaf menjadi feminin kerananya.

Mudaf pada kata nama حُبُّ ‘mencintai’ bukan sebahagian dari mudaf ilayh tapi menyerupainya kerana ada hubungan yang jelas dan ikatan yang bersebab. Syarat kedua dapat diaplikasikan dalam sajak ini, iaitu mudaf boleh digugurkan - cukup dengan mudaf ilayh - tanpa merosak makna. Ia dapat dikatakan : وَمَا الدِّيَارُ شَعَفَنَ قَلْبِي : ‘Tidaklah rumah-rumah itu memabukkan cinta hatiku’.

- Contoh mudaf yang merupakan keseluruhan mudaf ilayh adalah :

جَادَتْ عَلَيْهِ كُلُّ عَيْنٍ تَرَوَتْ # فَتَرَكْنَ كُلَّ حَادِيقَةٍ كَالدَّرْهَمِ

‘Telah turun padanya setiap hujan yang lebat, kemudian mereka  
meninggalkan setiap kebun laksana mata wang dirham’

Asalnya adalah جَادَ عَلَيْهِ كُلُّ عَيْنٍ ثَرَّةً # فَتَرَكَ كُلَّ حَدِيقَةٍ كَالدَّرْهِمِ. Ta’  
Ta’ nith diletakkan di akhir kata kerja جَادَ ‘turun’ untuk menunjukkan pelakunya  
adalah feminin yang terletak pada kata nama كُلُّ ‘setiap’ padahal pelaku  
sebenarnya adalah maskulin dari segi lafaznya. Ia menjadi feminin kerana  
mudaf ilayhnya adalah feminin, iaitu perkataan عَيْنٍ ‘air hujan’ Oleh itu, ia sah  
dijadikan kata kerja feminin. Kedua-dua syarat di atas dapat diaplikasikan dalam  
contoh ini kerana mudaf كُلُّ ‘setiap’ adalah lafaz am yang meliputi mudaf ilayh  
dan maknanya tidak rosak dengan menggugurkan mudaf. Posisinya dapat  
digantikan oleh mudaf ilayh. Ia boleh diucapkan : جَادَتْ عَلَيْهِ عَيْنٌ ثَرَّةً ‘Telah turun  
padanya setiap hujan yang lebat’.

Jika kedua syarat di atas tidak dapat dipenuhi oleh mudaf maka mudaf tidak  
boleh menjadi feminin kerana mudaf ilayh yang feminin.

- Contoh ayat yang tidak memenuhi syarat pertama sahaja adalah أَعْجَبَنِي يَوْمَ الْعُرُوبَةِ  
‘Hari kebangsaan Arab mengagumkan’. Ia tidak boleh diucapkan أَعْجَبَنِي يَوْمَ  
الْعُرُوبَةِ kerana mudaf bukanlah keseluruhan atau sebahagian atau seperti sebahagian  
mudaf ilayh, tetapi mudaf boleh digugurkan menjadi أَعْجَبَنِي الْعُرُوبَةُ  
‘Kebangsaan/nasionalisme bangsa Arab mengagumkan’.
- Contoh ayat yang tidak memenuhi syarat kedua sahaja adalah سَرَّيْتُ رَبَّانُ الْبَاحِرَةِ  
‘Kelasi kapal itu menggembirakan’. Ia tidak boleh diucapkan سَرَّيْتُ رَبَّانُ الْبَاحِرَةِ

kerana mudaf tidak boleh digugurkan dan digantikan oleh mudaf ilayh. Ini dilakukan untuk menjaga makna mudaf.

2. Mudaf feminin boleh menjadi maskulin kerana mudaf ilayhnya adalah maskulin, dengan dua syarat seperti yang dihuraikan pada hukum pertama di atas. Namun begitu, hukum seperti ini hanya sedikit sahaja dijumpai dalam teks-teks Arab.

- Contoh mudaf feminin yang merupakan sebahagian daripada mudaf ilayh maskulin adalah :

مُضْعَةُ اللِّسَانِ جَالِبٌ لِلْبَلَاءِ وَدَافِعٌ لِلتَّقَمِ

‘Segumpal lisan itu dapat menimbulkan bencana dan dapat menolak kesusahan’

Asalnya adalah مُضْعَةُ اللِّسَانِ جَالِبٌ لِلْبَلَاءِ وَدَافِعٌ لِلتَّقَمِ. Kata nama مُضْعَةُ ‘segumpal’ adalah muftada’ feminin. Ia menjadi maskulin kerana mudaf ilayh اللِّسَانِ ‘lidah’ adalah maskulin. Oleh itu khabar pada kata nama جَالِبٌ ‘menimbulkan’ dan دَافِعٌ ‘menolak’ menjadi maskulin. Mudaf مُضْعَةُ ‘segumpal’ adalah sebahagian daripada mudaf ilayh اللِّسَانِ ‘lidah’ .

- Contoh mudaf yang merupakan seolah-olah sebahagian daripada mudaf ilayh maskulin adalah :

إِنَارَةُ الْعَقْلِ مَكْسُوفٌ بِطَوَعِ هَوَى # وَعَقْلٌ عَاصِي هَوَى يَزْدَادُ تَنْوِيرًا

‘Sinaran akal akan tertutup dengan tunduk kepada hawa nafsu dan akal orang yang tidak taat pada hawa nafsu akan bertambah sinarannya’

Asalnya adalah إِنَارَةُ الْعَقْلِ مَكْسُوفٌ بِطَوَعِ هَوَى. Kata nama إِنَارَةُ ‘sinaran’ adalah muftada’ feminin. Ia menjadi maskulin kerana mudaf ilayh pada perkataan

العَقْلِ ‘akal’ adalah maskulin. Oleh itu, khabar pada kata nama مَكْسُوفٌ ‘tertutup’ boleh menjadi maskulin. Mudaf اِنَارَةٌ ‘sinaran’ bukanlah sebahagian daripada mudaf ilayh العَقْلِ ‘akal’ tapi menyerupainya.

- Contoh mudaf yang merupakan keseluruhan bagi mudaf ilayh adalah :

عَامَّةُ الْإِقْلِيمِ مُنْصَرَفٌ إِلَى الْإِصْلَاحِ وَالتَّعْمِيرِ

‘Semua daerah akan mencurahkan perhatiannya kepada perdamaian dan pembangunan’

Asalnya adalah عَامَّةُ الْإِقْلِيمِ مُنْصَرَفَةٌ إِلَى الْإِصْلَاحِ وَالتَّعْمِيرِ. Kata nama عَامَّةٌ ‘semua’ adalah mu‘rab feminin. Ia menjadi maskulin kerana mudaf ilayh pada perkataan الْإِقْلِيمِ ‘daerah’ adalah maskulin. Oleh itu khabar pada kata nama مُنْصَرَفٌ ‘mencurahkan perhatian’ menjadi maskulin. Mudaf عَامَّةٌ ‘semua’ adalah keseluruhan bagi mudaf ilayh الْإِقْلِيمِ ‘daerah’.

3. Mudaf yang mu‘rab boleh menjadi mabniyy kerana mudaf ilayhnya adalah mabniyy. Ia terletak pada tiga tempat, iaitu :<sup>29</sup>

- a. Jika mudaf adalah kata nama mu‘rab yang samar selain kata nama masa, seperti غَيْرٌ, شَبِيهُ, مِثْلٌ dan lain-lain, manakala mudaf ilayhnya mabniyy, seperti ganti nama, kata nama tunjuk. Dalam keadaan ini mudaf boleh tetap dii‘rabkan sebagaimana asalnya atau mabniyy dengan baris atas. Contohnya adalah :

أَجِيبُ دَاعِيِ الْمُرُوءَةِ وَلَوْ دَعَانِي غَيْرُهُ مَا أَجَبْتُ

‘Saya akan menyahut penyeru adab yang baik. Jika saya diseru oleh selainnya, saya tidak akan menyahutnya’

<sup>29</sup> *Ibid.*, h. 66.

Kata nama عَبْرٌ adalah pelaku. Ia boleh dii‘rabkan dengan nominatif atau mabniyy dengan baris atas kerana diidafaṭkan kepada mabniyy, iaitu ganti nama. Dua bentuk ini, dibolehkan mengikut nahuwan Arab kecuali Ibn Malik. Beliau tidak membolehkan mudaf menjadi mabniyy kerana diidafaṭkan kepada mabniyy.<sup>30</sup>

- b. Jika mudaf adalah masa yang samar dan asalnya adalah mu‘rab. Manakala mudaf ilayhnya adalah kata nama tunggal mabniyy selain ganti nama, kata nama tunjuk dan ayat. Kata nama ini tidak boleh dalam bentuk duaan. Kalau tidak, maka wajib dii‘rabkan. Contohnya adalah : مِنْ حِزِّي يَوْمَيْنِ<sup>31</sup> ‘dari kehinaan pada hari itu’. Kata nama masa يَوْمٌ asalnya adalah mu‘rab. Ia boleh digenitifkan kerana ia mudaf ilayh atau mabniyy dengan baris atas di tempat genitif. Kata nama masa يَوْمٌ juga adalah mudaf kepada lafaz إِذْ yang terletak sesudahnya. Ia disebut samar kerana masa yang tidak tertentu dan tidak ada had bilangan masanya. Jika kata nama masa يَوْمٌ ini dijadikan dalam bentuk duaan, seperti مِنْ حِزِّي يَوْمَيْنِ ‘dari kehinaan pada dua hari itu’, hukum ini tidak berlaku kerana ia wajib dii‘rabkan dengan menggugurkan nun pada kata nama يَوْمَيْنِ ‘dua hari’.
- c. Jika mudaf adalah masa yang samar dan asalnya adalah mu‘rab dan mudaf ilayhnya ayat kerjaan yang kata kerjanya mabniyy, iaitu mabniyy pada asalnya, seperti kata kerja lampau atau ‘aridiyy, seperti kata kerja kala kini yang bersambung dengan nun tawkid atau nun niswaṭ.

- Contoh yang mabniyy pada asalnya adalah :

عَلَى حِينٍ عَاتَبْتُ الْمَشَيْبَ عَلَى الصَّبَا وَقُلْتُ : أَلَمَّا أَصْحُ وَالشَّيْبُ وَازِعٌ ؟

<sup>30</sup> *Ibid.*, h. 67.

<sup>31</sup> Al-Qur’an. Surah Hud. Ayat 66

‘Ketika aku mencerca orang tua atas sikap kekanak-kanakan, maka akupun bertanya : Apakah kamu tidak sedar padahal uban telah terbahagi bahagi ?’

Mudaf dalam contoh ini adalah حِينٌ yang merupakan masa yang samar dan asalnya adalah mu‘rab. Manakala mudaf ilayhnya adalah ayat kerjaan yang kata kerja lampaynya mabniyy pada asalnya dengan baris mati, iaitu عَاتَبْتُ ‘mencerca’.

- Contoh yang mabniyy secara ‘aridiyy adalah :

لَأَجْزِدَنَّ مِنْهُنَّ قَلْبِي تَحَلُّمًا # عَلَى حِينٍ يَسْتَصِينُ كُلَّ حَلِيمٍ

‘Sungguh aku akan menarik hatiku dari mereka kerana untuk menyantuni ketika mereka minta dikasihani kepada setiap orang yang santun’

Mudaf dalam contoh ini adalah حِينٌ yang merupakan masa yang samar dan asalnya adalah mu‘rab. Manakala mudaf ilayhnya adalah ayat kerjaan yang kata kerja kerja kala kininya bersambung dengan nun niswat yang merupakan kata kerja yang mabniyy secara ‘aridiyy.

Lafaz حِينٌ dalam dua bait sajak di atas boleh dii‘rabkan, iaitu digenitifkan dengan partikel عَلَى sehingga menjadi عَلَى حِينٍ dan mabniyy dengan baris atas di tempat genitif, iaitu عَلَى حِينٍ. Menjadikan lafaz حِينٌ mabniyy adalah lebih baik daripada dii‘rabkan.<sup>32</sup>

Jika mudaf yang mu‘rab adalah masa yang samar dan mudaf ilayhnya adalah ayat namaan atau ayat kerjaan yang mengandungi kata kerja kala kini

<sup>32</sup> ‘Abbas Hasan. 1974, *op.cit.*, h. 68.



yang mu‘rab, maka mudaf boleh dalam dua keadaan, sama ada mu‘rab atau mabniyy dengan baris atas. Dalam hal ini, mudaf lebih baik dii‘rabkan.<sup>33</sup>

- Contoh dalam ayat namaan adalah :

تَذَكَّرَ مَا تَذَكَّرَ ، مِنْ سُلَيْمَى # عَلَى حِينِ التَّوَاصُلِ غَيْرُ دَانٍ

‘Dia selau ingat apa yang dia ingat dari Sulaima ketika ikatan hubungannya tidak dekat lagi’

Lafaz حِينٍ dalam contoh ini boleh mabniyy dengan baris atas di tempat genitif atau mu‘rab, iaitu digenitifkan dengan baris bawah oleh partikel عَلَى kerana mudaf ilayhnya adalah ayat namaan, iaitu التَّوَاصُلِ غَيْرُ دَانٍ. Dalam keadaan ini, lafaz حِينٍ lebih baik dii‘rabkan (genitif).

- Contoh dalam ayat kala kini yang kata kerjanya mu‘rab adalah :

هَذَا يَوْمٌ يَفْرَحُ الْأَوْلَادُ

‘Ini adalah hari anak-anak bergembira’

Lafaz يَوْمٌ dalam contoh ini boleh mu‘rab, iaitu dinominatifkan dengan baris hadapan sebagai khabar kepada kata petunjuk هَذَا ‘ini’ dan boleh juga mabniyy dengan baris atas kerana mudaf ilayhnya adalah ayat kala kini yang kata kerjanya mu‘rab. Dalam keadaan ini, lafaz يَوْمٌ lebih baik dii‘rabkan.

4. Ta’ Ta’nith di akhir mudaf boleh digugurkan dengan syarat bebas dari kesamaran ketika digugurkan dan tiada makna yang tersembunyi, seperti dalam sajak berikut :

إِنَّ الْخَلِيْطَ أَحَدُوَ الْبَيْنِ إِذِ رَحَلُوا # وَأَخْلَفُوكَ "عِدَّة" الْأَمْرِ الَّذِي وَعَدُوا

<sup>33</sup> *Ibid.*, h. 68.

‘Sesungguhnya kawan itu adalah yang memperbaiki hubungan ketika mereka pergi dan yang mengganti janji urusan yang telah mereka janjikan kepadamu’

Ta’ ta’ nith digugurkan pada kata nama عِدَّةٌ ‘janji’ untuk meringankan penuturan dan tidak menimbulkan kesamaran dan tersembunyinya makna. Jika penguguran ini menimbulkan perubahan makna dan kesamaran, maka ta’ ta’ nith tidak boleh digugurkan, seperti pada perkataan ثَمْرَةٌ. Contohnya dalam ayat هَذَا ثَمْرُ التُّفَّاحِ bermaksud ‘Ini buah epal’. Manakala pada ayat هَذِهِ ثَمْرَةٌ التُّفَّاحِ bermaksud ‘Ini sebutir buah epal’. Dalam contoh kedua, ta’ ta’ nith pada lafaz ثَمْرَةٌ tidak boleh digugurkan kerana akan menimbulkan kesamaran makna dengan lafaz ثَمْرٌ.

## 2.4 KATA NAMA DAN AL-IDAFAT

Kata nama berkaitan al-Idafat dibahagi kepada tiga, iaitu kata nama yang boleh diidafatkan, kata nama yang wajib diidafatkan dan kata nama yang tidak boleh diidafatkan.<sup>34</sup>

### 2.4.1 KATA NAMA YANG BOLEH DIIDAFATKAN

Secara amnya kata nama indefinit boleh diidafatkan dari al-Idafat mengikut keinginan penuturnya. Contohnya pada kata nama كِتَابٌ ‘buku’ boleh diidafatkan kepada kata nama التَّلْمِيذُ ‘murid’ sehingga menjadi كِتَابُ التَّلْمِيذِ ‘buku milik murid’. Kata nama كِتَابٌ ‘buku’ boleh juga tidak diidafatkan mengikut keinginan penuturnya.

<sup>34</sup> Imil Badi‘ Ya‘qub. 1998. *Mawsu‘at al-Nahw Wa al-Sarf Wa al-I‘rab*. Beirut : Dar al-‘Ilm Li al-Malayin, h. 102.

## 2.4.2 KATA NAMA YANG WAJIB DIIDAFATKAN

Kata nama yang wajib diidafatkan ada dua, iaitu kata nama yang diidafatkan kepada kata nama tunggal dan kata nama yang diidafatkan kepada ayat.<sup>35</sup> Di samping itu, ada kata nama yang dapat diidafatkan kepada kata nama dan juga kepada ayat.<sup>36</sup>

### 2.4.2.1 KATA NAMA YANG WAJIB DIIDAFATKAN KEPADA KATA NAMA TUNGGAL (مُفْرَدٌ)

Kata nama yang wajib diidafatkan kepada kata nama tunggal (مُفْرَدٌ) terbahagi kepada dua bahagian, iaitu :<sup>37</sup>

1. Kata nama yang wajib diidafatkan kepada kata nama tunggal Zahir atau kepada ganti nama dan mudafnya boleh diputuskan daripada al-Idafat secara lafaz bukan secara makna, diantaranya adalah lafaz-lafaz كُلُّ, بَعْضٌ, أَيُّ, غَيْرٌ, مَعَ dan arah yang enam, iaitu فَوْقَ, تَحْتَ, يَمِينٌ, شِمَالٌ, أَمَامَ dan خَلْفَ. Contohnya adalah :

- حَضَرَ بَعْضُ التَّلَامِيذِ

‘Sebahagian murid telah hadir’

- يَحْتَاجُ الْإِنْسَانَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا

‘Manusia saling memerlukan, sebahagian mereka atas sebahagian yang lain.’

Kata nama بَعْضٌ ‘sebahagian’ pada contoh pertama diidafatkan kepada kata nama zahir, iaitu التَّلَامِيذِ ‘murid-murid’. Manakala pada contoh kedua diidafatkan

<sup>35</sup> Syaykh Mustafā al-Ghalayayniyy. 1997. *Jami' al-Durus al-'Arabiyyat*. Juzuk.3. Cet.2. Beirut : al-Maktabat al-'Asriyyat, h. 214.

<sup>36</sup> 'Azizat Fawwal Babatiyy. 1993. *al-Mu'jam al-Mufasssal Fi al-Nahw al-'Arabiyy*. Juzuk.1. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat, h. 179.

<sup>37</sup> al-Ghalayayniyy. 1997, *op.cit*.

kepada ganti nama هُمْ ‘mereka’ dan diputuskan daripada al-Idafaṭ secara lafaz bukan secara makna. Maksudnya mudaf ilayh setelah kata nama بَعْضًا ‘sebahagian’, iaitu ganti nama هُمْ ‘mereka’ digugurkan dan digantikan dengan tanwin.

2. Kata nama yang wajib diidafaṭkan kepada kata nama tunggal atau ganti nama dan tidak boleh diputuskan dari al-Idafaṭ secara lafaz. Ia ada empat bentuk, iaitu :<sup>38</sup>

a. Kata nama yang diidafaṭkan kepada kata nama zahir tunggal, seperti أُوْلُوا, أُوْلَاتُ, ذُو, ذَاتُ, ذَوَا, ذَوَاتَا, ذَوَاتَ. Semua kata nama ini bermaksud ‘pemilik atau tuan’. Contohnya adalah : الْمُعَلِّمُونَ أُوْلُو فَضْلِ ‘Para guru adalah orang yang memiliki kelebihan’. Syaykh Mustafa al-Ghalayayniyy menambahkan bahawa kata nama قَابٌ dan مَعَاذٌ ‘permohonan perlindungan’ termasuk dalam kategori ini.<sup>39</sup> Contohnya adalah : عَلَى قَابٍ قَوْسَيْنِ ‘dalam jarak dekat’ dan مَعَاذَ اللَّهِ ‘Saya berlindung kepada Allah’.

b. Kata nama yang diidafaṭkan kepada ganti nama mukhatab sahaja, iaitu لَيْبِكَ, دَوَائِكَ, حَنَائِكَ, سَعْدَيْكَ. Lafaz-lafaz ini merupakan bentuk masdar yang lafaznya berbentuk duaan dan maknanya menunjukkan tkrar atau berulang-ulang. Makna dari lafaz :

- لَيْبِكَ adalah إِجَابَةٌ لَكَ بَعْدَ إِجَابَةٍ لَيْبِكَ ‘Seringkali aku memenuhi panggilanmu’
- سَعْدَيْكَ adalah إِسْعَادًا لَكَ بَعْدَ إِسْعَادٍ سَعْدَيْكَ ‘Seringkali aku membahagiakanmu’  
Lafaz سَعْدَيْكَ tidak digunakan kecuali setelah lafaz لَيْبِكَ.
- حَنَائِكَ adalah تَحْنُنًا بَعْدَ تَحْنُنٍ حَنَائِكَ ‘Seringkali aku rindu kepadamu’
- دَوَائِكَ adalah تَدَاوُلًا بَعْدَ تَدَاوُلٍ دَوَائِكَ ‘Seringkali aku bertukar denganmu’

<sup>38</sup> Imil Badi‘ Ya‘qub. 1998. *Mawṣu‘at al-Nahw Wa al-Sarf Wa al-I‘rab*. Beirut : Dar al-‘Ilm Li al-Malayin, h. 103.

<sup>39</sup> al-Ghalayayniyy. 1997, *op.cit.*, h. 215.

- c. Kata nama yang diidafatkan kepada ganti nama secara mutlak, iaitu kata nama جَاءَ الْمُعَلِّمُ وَحَدَهُ dan كُلُّ yang digunakan untuk tawkid. Contohnya adalah : جَاءَ الْمُعَلِّمُ وَحَدَهُ ‘Guru itu datang sendiri’ dan فَازَ الْمُجْتَهِدُونَ كُلُّهُمْ ‘Orang-orang yang bersungguh itu menang semuanya’.
- d. Kata nama yang diidafatkan kepada kata nama zahir atau ganti nama, seperti kata nama كِلَا, كِلْتَا, عِنْدَ, لَدَى, سِوَى, قِصَارَى, حُمَادَى. Termasuk juga dalam kategori ini adalah kata nama مِثْلُ, مَعِ, ذَوُو, سُبْحَانَ, سَائِرُ. <sup>40</sup>شِبْهُ, لَدُنْ, بَيْنَ, وَسَطَ, مِثْلُ, مَعِ, ذَوُو, سُبْحَانَ, سَائِرُ. Contohnya adalah : سُبْحَانَ اللَّهِ ‘Maha Suci Allah’ dan سُبْحَانَهُ ‘Maha Suci Dia’.

Kata nama كِلَا dan كِلْتَا apabila diidafatkan kepada ganti nama, maka dii‘rabkan seperti i‘rab duaan, iaitu dengan alif dalam bentuk nominatif dan dengan ya’ dalam bentuk akusatif dan genitif. Contohnya adalah :

- جَاءَ الرَّجُلَانِ كِلَاهُمَا ‘Telah datang dua orang lelaki keduanya’
- رَأَيْتُ الرَّجُلَيْنِ كِلَيْهِمَا ‘Saya melihat dua orang lelaki keduanya’
- مَرَرْتُ بِالرَّجُلَيْنِ كِلَيْهِمَا ‘Saya lalu di hadapan dua orang lelaki keduanya’

Apabila diidafatkan kepada selain ganti nama, maka kedua kata nama tersebut dii‘rabkan seperti i‘rab kata nama maqsur, iaitu dengan baris yang diandaikan dengan alif kerana sukar mengucapkan baris yang nampak pada alif, sama ada dalam bentuk nominatif, akusatif atau genitif. Contohnya adalah :

- جَاءَ كِلَا الرَّجُلَيْنِ ‘Telah datang kedua orang lelaki itu’
- رَأَيْتُ كِلَا الرَّجُلَيْنِ ‘Aku melihat kedua orang lelaki itu’
- مَرَرْتُ بِكِلَا الرَّجُلَيْنِ ‘Aku lalu dihadapan kedua orang lelaki itu’

<sup>40</sup> Ibid.

Kedua kata nama di atas mempunyai hukum boleh dan sah untuk menjadi khabar dalam bentuk tunggal dari segi lafaz dan mengandungi ganti nama duaan dari segi makna. Jadi dapat diucapkan كِلَا الرَّجُلَيْنِ عَالِمٌ ‘Kedua-dua lelaki itu pandai’ dan كِلَا الرَّجُلَيْنِ عَالِمَانِ ‘Kedua-dua lelaki itu pandai keduanya’. Dalam hal ini menjaga persesuaian lafaz lebih banyak berlaku.<sup>41</sup>

Kedua-dua kata nama di atas tidak boleh diidafatkan kecuali kepada kata nama definit dan kepada kata nama tunggal yang menunjukkan duaan. Oleh itu tidak boleh diucapkan : كِلَا رَجُلَيْنِ ‘kedua orang lelaki’ sebab lafaz رَجُلَيْنِ adalah indefinit. Juga tidak boleh diucapkan كِلَا عَلِيٍّ وَ خَالِدٍ ‘Kedua Ali dan Khalid’ kerana diidafatkan kepada kata nama tunggal yang menunjukkan duaan.

#### 2.4.2.2 KATA NAMA YANG WAJIB DIIDAFATKAN KEPADA AYAT (جُمْلَةٌ)

Di samping dapat diidafatkan kepada kata nama tunggal, kata nama juga dapat diidafatkan kepada ayat, sama ada ayat namaan atau ayat kerjaan. Kata nama yang diidafatkan kepada ayat adalah مُنذُ, لَمَّا, إِذَا, إِذْ, حَيْثُ. Semua kata nama ini berposisi sebagai mudaf dan ayat sesudahnya adalah mudaf ilayh di tempat genitif.

##### 1) Kata Nama حَيْثُ

Kata nama حَيْثُ adalah zarf makan yang selalu mabniyy dengan baris hadapan dan tidak boleh diputuskan dari al-Idafat.<sup>42</sup> Kata nama حَيْثُ diidafatkan kepada ayat namaan dan ayat kerjaan dengan cara ditakwilkan dengan masdar. Contohnya adalah :

<sup>41</sup> *Ibid.*, h. 216

<sup>42</sup> ‘Azizat Fawwal Babatiyy. 1993. *al-Mu‘jam al-Mufasssal Fi al-Nahw al-‘Arabiyy. Juzuk.1.* Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat, h. 177.

- اَجْلِسْ حَيْثُ الْعِلْمُ مَوْجُودٌ

‘Duduklah di tempat ilmu berada’

Kata nama حَيْثُ dalam contoh ini diidafatkan kepada ayat namaan, iaitu الْعِلْمُ. Andaiannya adalah اَجْلِسْ فِي مَكَانِ الْعِلْمِ مَوْجُودٌ.

- جَلَسْتُ حَيْثُ يَجْمَلُ الْمَنْظَرُ

‘Saya duduk di tempat pemandangan indah’

Kata nama حَيْثُ dalam contoh ini diidafatkan kepada ayat kerjaan, iaitu يَجْمَلُ. Andaiannya adalah جَلَسْتُ فِي مَكَانِ جَمَالِ الْمَنْظَرِ.

Satu lagi isu penting berkaitan kata nama حَيْثُ adalah mengenai baris hamzat pada partikel tawkid إِنَّ dan أَنَّ yang terletak setelah kata nama حَيْثُ. Dalam keadaan ini partikel tawkid yang digunakan adalah إِنَّ, iaitu hamzatnya wajib dibarisbawahkan kerana ayat yang terletak sesudah إِنَّ tidak dapat ditakwilkan dengan masdar.<sup>43</sup> Contohnya adalah :

اَجْلِسْ حَيْثُ إِنَّ الْعِلْمَ مَوْجُودٌ

‘Duduklah di mana sesungguhnya ilmu berada’

Satu perkara lagi yang perlu difahami adalah bahawa kata nama حَيْثُ tidak boleh digunakan untuk faedah ta‘lil yang mengandungi makna لِأَنَّ ‘kerana’. Oleh itu ayat ini tidak boleh diucapkan اَكْرَمْتُهُ حَيْثُ إِنَّهُ مُجْتَهِدٌ, ‘Saya menghormatinya kerana ia rajin’. Ayat yang betul adalah اَكْرَمْتُهُ لِأَنَّهُ مُجْتَهِدٌ, ‘Saya menghormatinya kerana ia rajin’.<sup>44</sup>

<sup>43</sup> Al-Ghalayayniyy. 1997. Juzuk-2. *op.cit.*, h. 314

<sup>44</sup> *Ibid.*, Juzuk-3. h. 220

## 2) Kata Nama إِذٍ

Kata nama إِذٍ adalah zarf untuk masa lampau yang mubham (samar). Ia bermakna زَمَنَ وَقْتٍ dan حِينٍ ‘ketika’.<sup>45</sup> Kata nama إِذٍ juga diidafatkan kepada ayat namaan dan ayat kerjaan dengan cara ditakwilkan dengan masdar Contohnya adalah :

- a. جِئْتُ إِذِ الْمَطَرِ هَاطِلٌ ‘Saya datang ketika hujan turun lebat’. Kata nama إِذٍ dalam contoh ini diidafatkan kepada ayat namaan. Andaiannya adalah جِئْتُ وَقْتِ هَاطِلِ الْمَطَرِ.
- b. جِئْتُ وَقْتِ هَاطِلِ الْمَطَرِ ‘Saya datang ketika hujan turun lebat’. Kata nama إِذٍ dalam contoh ini diidafatkan kepada ayat kerjaan. Andaiannya adalah جِئْتُ وَقْتِ هَاطِلِ الْمَطَرِ.

Isu yang sama dengan kata nama حَيْثُ berkaitan kata nama إِذٍ adalah mengenai baris hamzat pada partikel tawkid إِنَّ dan أَنَّ yang terletak setelah kata nama إِذٍ. Dalam keadaan ini partikel tawkid yang digunakan adalah إِنَّ, iaitu hamzatnya wajib dibarisbawahkan kerana ayat yang terletak sesudah إِنَّ tidak dapat ditakwilkan dengan masdar.<sup>46</sup> Contohnya adalah :

جِئْتُكَ إِذِ إِنَّ الشَّمْسَ تَطْلُعُ

‘Saya datang kepadamu ketika sesungguhnya matahari terbit’

## 3) Kata Nama إِذَا

Kata nama إِذَا adalah zarf syarat yang menunjukkan masa akan datang. Meskipun ayat setelah إِذَا adalah kata kerja lampau tapi hal ini tidak membatalkan masa yang ditunjukkannya, iaitu masa akan datang.<sup>47</sup> Kata nama إِذَا diidafatkan kepada ayat

<sup>45</sup> ‘Azizat Fawwal Babatiyy. 1993. *al-Mu‘jam al-MufaSSal Fi al-Nahw al-‘Arabiyy. Juzuk.1.* Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat, h. 177.

<sup>46</sup> Al-Ghalayayniyy. 1997. *op.cit.*, Juzuk-2. h. 314

<sup>47</sup> Azizat Fawwal Babatiyy. 1993. *op.cit.*



kerjaan secara khas. Kata kerja dalam ayat kerjaan yang diidafatkan dengan إِذَا dapat berbentuk kata kerja lampau atau kata kerja kala kini. Contohnya adalah :

- إِذَا جَاءَ عَلِيٌّ أَكْرَمْتُهُ

‘Jika Ali telah datang, saya akan menghormatinya’.

- وَإِذَا تَبَاعُ كَرِيمَةٌ أَوْ تُشْتَرَى # فَسِوَاكَ بَائِعُهَا وَ أَنْتَ الْمُشْتَرِي

‘Apabila anak perempuan itu dijual atau dibeli, maka orang selainmulah penjualnya dan engkau adalah pembelinya’

Dalam contoh pertama, kata nama إِذَا diidafatkan kepada ayat kerjaan kala lampau, iaitu جَاءَ عَلِيٌّ ‘Ali datang’. Masa ketika Ali datang adalah masa lampau tapi masa yang ditunjukkan untuk menghormatinya adalah masa akan datang, iaitu setelah Ali datang. Manakala pada contoh kedua, kata nama إِذَا diidafatkan kepada ayat kerjaan kala kini, iaitu تَبَاعُ ‘dijual’.

#### 4) Kata Nama لَمَّا

Kata nama لَمَّا adalah kata nama bermakna حِينَ ‘ketika’ yang diidafatkan kepada ayat kerjaan yang berbentuk lampau sahaja.<sup>48</sup> Contohnya adalah :

لَمَّا جَاءَ خَالِدٌ أُعْطِيْتُهُ الْفُلُوسَ

‘Ketika Khalid datang, saya memberikan wang kepadanya’

Kata nama لَمَّا dalam contoh ini diidafatkan kepada ayat kerjaan yang kata kerjanya berbentuk lampau, iaitu أُعْطِيْتُهُ ‘saya memberinya’.

---

<sup>48</sup> *Ibid.*, h. 178.

Al-Akhfasy dan nahuwan Kufah membolehkan masuknya إِذَا pada ayat namaan bersandarkan pada surah al-Insyiqaq ayat 1 yang berbunyi : إِذَا السَّمَاءُ انشَقَّتْ : Nahuwan Basrah menafsirkan ayat ini dengan menjadikan السَّمَاءُ sebagai pelaku bagi kata kerja yang digugurkan. Andaiannya adalah : إِذَا انشَقَّتِ السَّمَاءُ انشَقَّتْ : Al-Akhfasy dan nahuwan Kufah tidak melihat ada alasan atau sebab bagi andaian ini. Menurut mereka إِذَا juga dapat diidafaatkan kepada ayat namaan sebagaimana dapat diidafaatkan kepada ayat kerjaan.<sup>49</sup>

Berdasarkan huraian di atas, kata nama إِذَا dapat diidafaatkan kepada ayat namaan kerana landasan yang digunakan oleh nahuwan Kufah adalah bahasa al-Qur'an al-Karim yang tiada keraguan di dalamnya. Adapun pendapat nahuwan Basrah agak lemah kerana hanya bersifat andaian sahaja.

### 5) Kata Nama مُنْذُ dan مُنْذُ

Kata nama مُنْذُ dan مُنْذُ adalah kata nama yang diidafaatkan kepada ayat namaan dan ayat kerjaan apabila keduanya berbentuk zarf. Kata nama مُنْذُ adalah bacaan ringan daripada kata nama مُنْذُ. Contohnya adalah :

- مَا اجْتَمَعْنَا مُنْذُ سَعِيدٍ مُسَافِرٍ

‘Kita tidak berkumpul sejak Sa‘id pergi’

- مَا رَأَيْتُكَ مُنْذُ سَافِرٍ سَعِيدٍ

‘Saya tidak melihatmu sejak Sa‘id telah pergi’

<sup>49</sup> Imil Badi‘ Ya‘qub. 1998. *Mawsu‘at al-Nahw Wa al-Sarf Wa al-I‘rab*. Beirut : Dar al- ‘Ilm Li al-Malayin, h. 103.

Kata nama مُنْذُ dalam contoh pertama diidafatkan kepada ayat namaan, iaitu سَعِيدٌ مُسَافِرٌ. Manakala kata nama مُذٌ dalam contoh kedua diidafatkan kepada ayat kerjaan, iaitu سَافِرَ سَعِيدٌ.

Kata nama مُذٌ dan مُنْذٌ juga dapat berfungsi sebagai partikel Genitif. Oleh itu, lafaz sesudahnya merupakan kata nama yang digenitifkan. Contohnya adalah : مَا رَأَيْتَكَ مُذْ أَوْ مُنْذُ يَوْمِ الْجُمُعَةِ ‘Saya tidak melihatmu sejak hari Jumaat’. Kata nama يَوْمِ الْجُمُعَةِ menjadi genitif kerana مُذٌ dan مُنْذٌ dalam contoh ini berfungsi sebagai partikel Genitif.

#### 2.4.2.3 KATA NAMA YANG DIIDAFATKAN KEPADA KATA NAMA TUNGGAL (مُفْرَدٌ) DAN AYAT (جُمْلَةٌ)

Di samping kata nama yang diidafatkan kepada kata nama tunggal, ganti nama dan ayat, terdapat juga kata nama yang dapat diidafatkan kepada kata nama tunggal dan juga ayat, iaitu zarf لَدُنْ. Ia merupakan zarf yang mabniyy dengan tanda mati. Ia juga merupakan zarf mubham (samar) yang menunjukkan masa dan tempat. Zarf لَدُنْ ini kadang-kadang didahului oleh partikel Genitif مِنْ.<sup>50</sup> Contohnya adalah :

- مَشَيْتُ مِنْ لَدُنِ الْجَبَلِ

‘Saya berjalan di dekat gunung’

Zarf لَدُنْ dalam ayat di atas diidafatkan kepada kata nama tunggal, iaitu الْجَبَلِ ‘gunung’. Baris bawah yang terdapat pada لَدُنِ ini adalah kerana bertemunya dua tanda mati. Ia berkedudukan sebagai mudaf dan mudaf ilayhnya adalah kata nama الْجَبَلِ.

<sup>50</sup> Azizat Fawwal Babatiyy. 1993. *op.cit.*, h. 179

- وَتَذَكَّرُ نَعْمَانَ لَدُنْ أَنْتَ يَا فِيعُ

‘Nu‘man ingat ketika kamu hampir dewasa’

Zarf لَدُنْ dalam contoh ini diidafatkan kepada ayat namaan, iaitu أَنْتَ يَا فِيعُ ‘kamu hampir dewasa’. Zarf لَدُنْ adalah mudaf dan mudaf ilayhnya adalah ayat namaan yang mabniyy di tempat genitif.

- صَرِيحٌ غَوَانٍ شَاقِقَهُنَّ وَ شَفِيئُهُ # لَدُنْ شَبَّ حَتَّى شَابَ سُودُ الذَّوَائِبِ

‘Lelaki yang mencintai wanita-wanita secara berlebihan sangat merindui mereka dan mereka itu juga merindunya sejak ia muda sehingga hitam rambutnya menjadi putih’.

Zarf لَدُنْ dalam contoh ini diidafatkan kepada ayat kerjaan, iaitu شَابَ سُودُ الذَّوَائِبِ ‘Hitam rambutnya menjadi putih’. Zarf لَدُنْ adalah mudaf dan mudaf ilayhnya adalah ayat kerjaan yang mabniyy di tempat genitif.

#### 2.4.3 KATA NAMA YANG TIDAK BOLEH DIIDAFATKAN

Kata nama yang tidak boleh diidafatkan adalah kata nama isyarat (أَسْمَاءُ الْإِشَارَةِ), kata nama penyambung (الأَسْمَاءُ الْمُوصُولَةُ), ganti nama (الضَّمَائِرُ), kata nama syarat (أَسْمَاءُ الشَّرْطِ), kata nama tanya (أَسْمَاءُ الْاسْتِفْهَامِ), dan babnya, أَيُّ ketika menjadi penyambung kepada nida’ yang di dalamnya terdapat alif lam (ال), عَشَارَ... رُبَاعَ، ثَلَاثَ، مَثْنَى، (ال).<sup>51</sup> Maksudnya kata nama-kata nama ini tidak boleh berfungsi sebagai mudaf, ia hanya boleh berfungsi sebagai mudaf ilayh.<sup>52</sup> Contohnya adalah :

كِتَابٌ مِّنْ قَرَأْتِ؟

<sup>51</sup> Imil Badi‘ Ya‘qub. 1998, *op.cit.*, h. 104.

<sup>52</sup> ‘Azizat Fawwal Babatiyy. 1993, *op.cit.* h. 174.

‘Buku siapa yang kamu baca’

Kata nama tanya مَنْ dalam contoh ini berfungsi sebagai mudaf ilayh mabniyy dengan tanda mati di tempat genitif. Mudafnya adalah kata nama كِتَابُ ‘buku’.

Terdapat pengecualian bagi kata nama أَيُّ yang dapat berfungsi sebagai kata nama penyambung, kata nama syarat dan kata nama tanya.<sup>53</sup> Contohnya adalah :

- يُعْجِبُنِي الْمُسَابِقُونَ وَ سَأُصَافِحُهُمْ هُوَ أَسْبَقُ

‘Para pelumba itu mengagumkan dan saya akan menyalami yang lebih dahulu di antara mereka’

Dalam contoh di atas, kata nama أَيُّ berfungsi sebagai mudaf berbentuk kata nama penyambung yang bermaksud الَّذِي هُوَ أَسْبَقُ ‘yang dia lebih dahulu’. Mudaf ilayhnya adalah ganti nama هُمْ ‘mereka’.

- أَيُّ تَلْمِيذٍ يَجْتَهِدُ أَكْرَمُهُ

‘Mana-mana murid yang bersungguh-sungguh, maka saya akan memuliakannya’

Dalam ayat ini, kata nama أَيُّ berfungsi sebagai mudaf berbentuk kata nama syarat. Mudaf ilayhnya adalah kata nama تَلْمِيذٍ ‘murid’.

- أَيُّ عَمَلٍ تَخْتَارُهُ ؟

‘Pekerjaan apakah yang kamu pilih?’

<sup>53</sup> ‘Abbas Hasan. 1974. *Al-Nahw al-Wāfiyy. Juzuk.3*. Mesir : Dar al-Ma‘arif, h. 71

Dalam ayat ini, kata nama أَيُّ berfungsi sebagai mudaf berbentuk kata nama tanya. Mudaf ilayhnya adalah kata nama عَمَلٍ ‘pekerjaan’.

## 2.5 BENTUK-BENTUK AL-IDAFAT DALAM BAHASA ARAB

Di dalam bahasa Arab terdapat beberapa bentuk al-Idafat. Bentuk-bentuknya memiliki ciri-ciri tersendiri, seperti yang akan diuraikan di bawah ini.

### 2.5.1 AL-IDAFAT KEPADA YA' AL-MUTAKALLIM

Al-Idafat kepada Ya' Mutakalim bermaksud hubungan yang mengikat antara kata nama sebagai mudaf dan Ya' Mutakalim sebagai mudaf ilayh.<sup>54</sup>

Azizat Fawwal Babatiyy berkata bahawa apabila sesuatu kata nama diidafatkan kepada Ya' Mutakalim maka ia harus mengikuti beberapa hukum untuk menetapkan baris akhir mudaf dan baris akhir Ya Mutakalim. Beberapa hukum berkaitan al-Idafat kepada Ya' Mutakalim adalah seperti berikut :<sup>55</sup>

1. Wajib membarisbawahkan akhir mudaf dan Ya' Mutakalim dibina dengan baris mati atau baris atas di tempat genitif, iaitu jika :
  - Mudaf adalah kata nama tunggal yang huruf akhirnya sah. Contohnya adalah : هَذَا مَنْزِلِي الْجَدِيدُ atau هَذَا مَنْزِلِي الْجَدِيدُ ‘Ini rumahku yang baru’. Kata nama مَنْزِلٍ adalah mudaf yang merupakan kata nama tunggal yang huruf akhirnya sah. Ketika ia diidafatkan kepada Ya' Mutakalim maka huruf akhirnya

<sup>54</sup> ‘Azizat Fawwal Babatiyy. 1993, *op.cit.*, . 187.

<sup>55</sup> *Ibid.*, h. 185.

dibarisbawahkan sehingga menjadi مَنْزِلٍ. Ya' Mutakalim boleh berbaris mati (مَنْزِلِي) atau berbaris atas (مَنْزِلِي).

- Mudaf adalah kata nama tunggal yang huruf akhirnya huruf 'illat yang menyerupai huruf sahah, iaitu apabila akhirnya adalah huruf waw atau ya' yang berbaris. Contohnya adalah : kata nama سَجْوٌ 'dukacita' dan سَقْيٌ 'pemberian minum' adalah kata nama yang huruf akhirnya menyerupai huruf sahah, iaitu huruf waw dan ya' yang berbaris. Apabila diidafatkan kepada Ya' Mutakallim, maka huruf akhirnya dibarisbawahkan dan Ya' Mutakalimnya mabniyy dengan baris mati atau atas sehingga menjadi سَجْوِي atau سَجْوِي 'dukacitaku' dan سَقْيِي atau سَقْيِي 'pemberian minumku'.

Adapun jika mudaf diakhiri dengan ya' bersabdu, seperti pada perkataan كُرْسِيٌّ 'kerusi', maka bentuk al-Idafat kepada Ya' Mutakallim adalah dengan dua cara, iaitu :<sup>56</sup>

- a. Dengan menggugurkan Ya' Mutakallim (mudaf ilayh) dan mengekalkan mudaf dengan baris bawah untuk menunjukkan ya' yang digugurkan. Contohnya pada ayat جَلَسْتُ عَلَى كُرْسِيٍّ 'Saya duduk di atas kerusi saya'. Ya' dalam ayat ini tidak ada tanwin. Asalnya adalah جَلَسْتُ عَلَى كُرْسِيٍّ.
- b. Dengan menukar Ya' Mutakallim kepada alif, kemudian alif digugurkan dan mudafnya dibarisataskan untuk menunjukkan alif yang digugurkan dan alif yang ditukarkan daripada Ya' Mutakallim. Contohnya pada ayat جَلَسْتُ عَلَى كُرْسِيٍّ 'Saya duduk di atas kerusi saya'. Asalnya adalah جَلَسْتُ عَلَى كُرْسِيٍّ.

---

<sup>56</sup> 'Abbas Hasan. 1974. *op.cit.*, h. 170

- Mudaf adalah jam‘ taksir. Contohnya adalah : kata nama رُفَقَاءُ ‘kawan-kawan lelaki’ bila diidafatkan kepada Ya’ Mutakalim maka menjadi رُفَقَائِيْ atau رُفَقَائِيْ ‘kawan-kawan lelakiku’.
- Mudaf adalah jam‘ muannath salim. Contohnya adalah : kata nama زَمِيْلَاتُ ‘kawan-kawan perempuan’ bila diidafatkan kepada Ya’ Mutakalim maka menjadi زَمِيْلَاتِيْ atau زَمِيْلَاتِيْ ‘kawan-kawan perempuanku’

Walaupun akhir mudaf yang diidafatkan kepada Ya’ Mutakallim dalam contoh-contoh di atas wajib dibarisbawahkan, tetapi i‘rabnya adalah mengikut kedudukannya dalam sesebuah ayat. Ia dinamakan al-Kasrat al-‘Aridat untuk menyesuaikan dengan Ya’ Mutakallim.

Jika dalam keadaan nominatif, maka akhir mudaf itu dinominatifkan dengan baris hadapan yang diandaikan. Jika dalam keadaan akusatif, maka ia diakusatifkan dengan dengan baris atas yang diandaikan, kecuali jika mudafnya jam‘ muannath salim, maka diakusatifkan dengan baris bawah yang jelas tanpa andaian atau dengan baris bawah yang diandaikan. Jika dalam keadaan genitif, maka ia digenitifkan dengan bawis bawah yang jelas atau baris bawah yang diandaikan.<sup>57</sup>

2. Wajib membarismatikan akhir mudaf dan Ya’ Mutakalim dibina dengan baris atas, iaitu jika :
  - Mudaf adalah kata nama maqsur, iaitu yang diakhiri dengan Alif Lazimat. Contohnya adalah : هُدَى ‘petunjuk’ dan فَتَى ‘pemuda’ bila diidafatkan kepada

---

<sup>57</sup> *Ibid.*



Ya' Mutakalim menjadi هُدَايَ 'petunjukku' dan فَتَايَ 'pemudaku'. Sebahagian orang Arab menukar Alif Maqsuraṭ kepada ya'. Contohnya kata nama هُدَايَ dibalikkan menjadi هُدَيِّ.

- Mudaf adalah kata nama manqus yang diakhiri dengan Ya' Lazimaṭ yang sebelumnya tidak bersabdu. Contohnya adalah : الْهَادِيَّ bila diidafatkan kepada Ya' Mutakalim menjadi الْهَادِيَّ. Ya' Manqus diidghamkan kepada Ya' Mutakallim yang mabniyy dengan baris atas.
- Mudaf adalah duaan atau yang menyerupainya. Yang menyerupai duaan adalah اَنْتَانِ dan اَنْتَانِ. Jika dalam keadaan nominatif, alifnya dikekalkan kemudian setelahnya ditambah Ya' Mutakallim yang mabniyy dengan baris atas (setelah nun duaan mudaf digugurkan). Contohnya adalah : حَفِظْتُ يَدَايَ مَالَ اَخِي : 'Kedua tanganku menjaga harta saudaraku'. Kata nama يَدَايَ dalam ayat ini pelaku yang dinominatifkan dengan alif kerana ia duaan dan ia adalah mudaf. Ya' Mutakallim mabniyy dengan baris atas di tempat genitif kerana al-Idafat.

Jika dalam keadaan akusatif dan genitif, Ya' duaan dikekalkan dan diidghamkan kepada Ya' Mutakallim yang mabniyy dengan baris atas setelah nun duaannya digugurkan. Contohnya adalah :

- a. اُحِبُّ مُعَلِّمَيَّ 'Saya suka kepada dua orang guruku'. Kata nama مُعَلِّمَيَّ adalah objek yang diakusatifkan dengan Ya' kerana ia duaan. Nun duaan digugurkan kerana al-Idafat. Ia berkedudukan sebagai mudaf. Ya' Mutakallim mabniyy dengan baris atas di tempat genitif kerana al-Idafat.

b. لِمُعَلِّمِي فَضْلٌ كَبِيرٌ 'Kedua orang guruku mempunyai kelebihan yang besar'. Kata nama مُعَلِّمِي adalah kata nama yang digenitifkan dengan Ya' kerana ia duaan dan didahului oleh partikel Genitif Lam. Nun duaan digugurkan kerana al-Idafat. Ia berkedudukan sebagai mudaf. Ya' Mutakallim mabniyy dengan baris atas di tempat genitif kerana al-Idafat.

- Mudaf adalah jam' mudhakkar salim atau yang menyerupainya. Yang menyerupai jamak adalah al-'uqud dari dua puluh sampai sembilan puluh. Jika dalam keadaan nominatif waw ditukar kepada Ya' kemudian diidghamkan kepada Ya' Mutakallim setelah menggugurkan nun jamak ketika ia diidafatkan dan jika dalam keadaan akusatif dan genitif, Ya' Jam' diidghamkan kepada Ya' Mutakallim yang mabniyy dengan baris atas setelah nunnya digugurkan kerana al-Idafat. Contohnya pada kata nama مُشَارِكُونَ dan مُعَاوِنِينَ dalam khutbah pemimpin perang kepada tenteranya ketika menang dalam perang :

أَنْتُمْ الْيَوْمَ مُشَارِكِيَّ فِي لَذَّةِ الْإِنْتِصَارِ وَفَخْرِهِ، كَمَا كُنْتُمْ مُعَاوِنِيَّ فِي صَدِّ الْعَدُوِّ، وَالْفَتْكِ بِهِ، فَمَرَحَى  
بِمُشَارِكِيَّ وَمَرَحَبًا بِهِمْ

'Kamu pada hari ini adalah orang-orang yang berkongsi denganku dalam nikmat kemenangan dan kebanggaannya, sebagaimana kamu adalah penolong-penolongku dalam menghalangi musuh dan menghapusnya, maka bagus wahai penolong-penolongku dan selamat datang buat mereka !'

Asalnya adalah أَنْتُمْ مُشَارِكُونَ لِيَّ. Nunnya digugurkan kerana al-Idafat. Begitu juga dengan lamnya sehingga menjadi مُشَارِكُوِيَّ. Sebahagian ahli nahu berpandangan bahawa lam ini digugurkan untuk meringankan pertuturan dan hanya digugurkan kerana al-Idafat sahaja.<sup>58</sup> Kemudian Waw ditukar kepada Ya' dengan

<sup>58</sup> *Ibid.*, h. 178

baris mati dan diidghamkan kepada Ya' berbaris atas (mudaf ilayh) dan huruf sebelumnya dibarisbawahkan kerana baris bawah adalah yang paling sesuai untuk Ya' sehingga menjadi مُشَارِكِيّ.

Adapun kata nama مُعَاوِنِيّ yang diakusatifkan dalam contoh di atas, asalnya adalah مُعَاوِنِينَ لِيّ. Nun dan lamnya digugurkan kerana al-Idafat kemudian Ya' mati ini diidghamkan kepada Ya' berbaris atas (mudaf ilayh) menjadi مُعَاوِنِيّ. Keadaan ini juga berlaku pada kata nama مُشَارِكِيّ yang digenitifkan dalam contoh di atas.

Ya' Mutakallim kadang-kadang digugurkan dengan mengekalkan baris bawah pada kata nama mudaf. Contohnya adalah : عَهَدْتُ نَفْسِي عَلَى التَّزَامِ الْأَخْلَاقِ الْفَاضِلَةِ 'Saya berjanji pada diri saya untuk sentiasa berakhlak mulia'. Ya' Mutakallim pada kata nama نَفْسِي 'sendiri' digugurkan dan baris bawah pada kata nama tersebut dikekalkan.

Ya' Mutakallim boleh juga dibalikkan kepada alif. Contohnya adalah : وَقَفْتُ 'Saya berdiri sendiri'. Kata nama نَفْسِي 'sendiri' adalah objek yang diakusatifkan dengan baris atas yang diandaikan kepada kata nama yang terdapat sebelum Ya' Mutakallim yang dibalikkan kepada alif. Alif yang dibalikkan dari Ya' di tempat genitif kerana al-Idafat.

Ya' boleh juga digugurkan dan digantikan dengan Ta' Ta'nith yang mabniyy dengan baris atas atau baris bawah atau baris hadapan, dengan syarat mudafnya adalah munada dan lafaznya adalah أَبٌ dan أُمٌّ. Contohnya adalah : يَا أَبَتِ, يَا أَبَتَا, يَا أَبْتُ dan يَا أُمَّتِ.<sup>59</sup> Ya' Mutakallim tidak boleh digabungkan dengan ta' ta'nith ini.<sup>60</sup>

---

<sup>59</sup> *Ibid.*, h. 186.

<sup>60</sup> *Ibid.*, h. 172

Hukum untuk kata nama sahah ini juga berlaku untuk al-asma' al-khamsat ketika diidafatkan kepada Ya' Mutakallim. Tetapi hanya kata nama ذُو sahaja yang dii'rabkan mengikut baris yang diandaikan dengan kata nama yang terletak sebelum Ya' Mutakallim. Adapun kata nama أَبٌ, أَخٌ, حَمٌ dan فَمٌ i'rabnya adalah sama dengan i'rab kata nama sahah akhir ketika ia diidafatkan kepada Ya' Mutakallim.

Ha' al-Sakt boleh ditambahkan sesudah Ya' Mutakallim ketika waqf dengan membina Ya' Mutakallim dengan baris atas. Contohnya ucapan Aisyah kepada ayahnya dengan sebutan أَبِيَّ 'ayahku'.<sup>61</sup>

## 2.5.2 IDAFAT MAWSUF KEPADA KATA SIFAT

Ibn Malik mengatakan bahawa Idafat mawsuf kepada kata sifat menyerupai al-Idafat al-Mahdat (شبيهة بالمحضة), bukan al-Idafat al-Mahdat.<sup>62</sup> Contohnya adalah : صَلَاةُ الْأُوَلَى 'shalat yang pertama'. Kata nama صَلَاةُ 'shalat' diidafatkan kepada kata sifat الْأُوَلَى 'yang pertama'. Manakala 'Abbas Hasan mengatakan bahawa Idafat ini adalah mulhaq daripada al-Idafat Ghayr al-Mahdat.<sup>63</sup>

Bentuk al-Idafat ini dinamakan juga Idafat Kata Nama kepada Kata Nama yang sesuai maknanya.<sup>64</sup> Nahuwan Kufah berpendapat bahawa sesuatu itu boleh diidafatkan kepada dirinya jika dua lafaz itu berbeza, namun nahuwan Basrah mengatakan bahawa perkara ini tidak boleh dilakukan. Hujah nahuwan Kufah adalah kerana mereka banyak

---

<sup>61</sup> *Ibid.*, h. 175

<sup>62</sup> Imil Badi' Ya'qub. 1998. *Mawsu'at al-Nahw Wa al-Sarf Wa al-I'rab*. Beirut : Dar al- 'Ilm Li al-Malayin, h. 97.

<sup>63</sup> Abbas Hasan. 1974. *op.cit.*, h. 40

<sup>64</sup> Al-Anbaryy al-Nahwiyy, Kamal al-Din Abu Al-Barakat 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Abu Sa'id. 1961. *Al-Insaf Fi Masa'il al-Khilaf Baina al-Nahwiyyin : al-Basariyyin Wa al-Kufiyyin*. Mesir : Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, h. 436.

menjumpai al-Idafaṭ seperti ini dalam al-Qur'an al-Karim dan pertuturan Arab. Contohnya firman Allah berikut :

وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا<sup>65</sup>

‘Dan sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa’

Lafaz الْآخِرَةِ ‘akhirat’ dalam ayat ini adalah kata nama yang sesuai maknanya dengan mawsufnya, iaitu lafaz دَارُ ‘negeri’. Lafaz دَارُ ‘negeri’ diidafaṭkan kepada lafaz الْآخِرَةِ ‘akhirat’. Asalnya adalah وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا, sebagaimana firman Allah dalam surah lain, seperti berikut :

وَالدَّارُ الْآخِرَةُ خَيْرٌ لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ<sup>66</sup>

‘Dan negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa’

Manakala nahuwan Basrah berhujah bahawa al-Idafaṭ adalah untuk mendefinitkan dan mengkhususkan dan sesuatu itu tidak akan menjadi definit dengan dirinya. Oleh kerana ia sudah definit maka tidak perlu al-Idafaṭ lagi.<sup>67</sup>

Hujah yang dikemukakan oleh nahuwan Kufah menurut nahuwan Basrah tidak beralasan kerana dalam Idafaṭ mawsuf kepada kata sifat ini terdapat pengguguran mudaf ilayh dan kata sifat menggantikan posisinya. Dalam struktur al-Idafaṭ صَلَاةُ الْأُولَى ‘shalat yang pertama’ andaiannya adalah صَلَاةُ السَّاعَةِ الْأُولَى ‘shalat pada saat yang pertama’. Mudaf ilayh السَّاعَةِ digugurkan dan digantikan oleh kata sifat الْأُولَى.<sup>68</sup>

<sup>65</sup> Al-Qur'an. Surah Yusuf. Ayat 109

<sup>66</sup> Al-Qur'an. Surah al-A'raf. Ayat 169

<sup>67</sup> Al-Anbāriyy al-Nahwiyy, Kamāl al-Dīn Abu Al-Barakāt ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad bin Abu Sa‘īd. 1961. *Al-Insāf Fi Masa‘il al-Khilāf Baina al-Nahwiyyin : al-Basariyyin Wa al-Kufiyyin*. Mesir : Dar al-Ihya‘ al-Turāth al-‘Arabiyy, h. 436.

<sup>68</sup> *Ibid.*, h. 438.

Walaupun kedua-dua pandangan nahuwan ini berbeza, namun alasan yang diberikan dapat diaplikasikan dalam sesebuah ayat. Andaian kadang-kadang diperlukan dalam memahami sesebuah ayat, asalkan tidak merubah maksud daripada ayat tersebut.

### 2.5.3 IDAFAT KATA SIFAT KEPADA MAWSUF

Ibn Malik berpandangan bahawa Idafat kata sifat kepada mawsufnya juga adalah al-Idafat yang menyerupai al-Idafat al-Mahdat (شبيهة بالمحذة).<sup>69</sup> Contohnya adalah : طَوِيلُ الشَّعْرِ 'yang panjang rambutnya'. Kata sifat طَوِيلُ 'panjang' diidafatkan kepada mawsufnya, iaitu kata nama الشَّعْرُ 'rambut'. Asalnya adalah الشَّعْرُ الطَّوِيلُ 'rambut yang panjang'. Kata sifat طَوِيلُ 'panjang' didahulukan daripada mawsuf الشَّعْرُ 'rambut'. Kata sifat ini menjadi mudaf dan mawsufnya menjadi mudaf ilayh genitif. Manakala 'Abbas Hasan mengatakan bahawa Idafat ini adalah mulhaq daripada al-Idafat Ghayr al-Mahdat.<sup>70</sup>

### 2.5.4 IDAFAT 'ADAD KEPADA MA'DUD

Idafat 'adad kepada ma'dud termasuk dalam al-Idafat al-Bayaniyyat, iaitu al-Idafat untuk menjelaskan jenis. Ia diandaikan dengan partikel genitif مِنْ. Al-Idafat ini disebut juga dengan istilah al-Idafat al-'Aridat.<sup>71</sup> Contohnya adalah : جَاءَ ثَلَاثَةُ رِجَالٍ 'Tiga orang lelaki telah datang'. Bila diandaikan dengan partikel genitif مِنْ, ayat ini menjadi جَاءَ ثَلَاثَةٌ مِنْ رِجَالٍ 'Tiga orang dari lelaki telah datang'.

<sup>69</sup> Imil Badi' Ya'qub. 1998. *Mawsu'at al-Nahw Wa al-Sarf Wa al-I'rab*. Beirut : Dar al- 'Ilm Li al-Malayin, h. 97.

<sup>70</sup> Abbas Hasan. 1974. *Al-Nahw al-Wafiy*. Juzuk.3. Mesir : Dar al-Ma'arif, h. 41

<sup>71</sup> 'Azizat Fawwal Babatiyy. 1993. *al-Mu'jam al-Mufassal Fi al-Nahw al-'Arabiyy*. Juzuk.1. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat, h. 189.

### 2.5.5 IDAFAT̄ KATA NAMA MUBHAM (SAMAR)

Setiap kata nama definit yang diidafat̄kan dalam al-Idafat̄ al-Ma‘nawiyat̄ akan menjadi definit kecuali pada kata nama mubham (samar). Ia tetap indefinit meskipun diidafat̄kan kepada kata nama definit. Contohnya al-Idafat̄ pada lafaz مِثْلٌ, غَيْرٌ, and شَبِيهٌ dalam ayat مَرَرْتُ بِرَجُلٍ غَيْرِكَ وَمِثْلِكَ وَشَبِيهِكَ ‘Saya berjalan di hadapan laki-laki selain kamu dan sepertimu dan menyerupaimu’. Termasuk juga dalam bentuk al-Idafat̄ ini adalah Idafat̄ lafaz رُبٌّ. Contohnya adalah : يَا رُبَّ مِثْلِكَ فِي النِّسَاءِ غَرِيْرَةٌ ‘Ramai sekali wanita sepertimu tertipu’.

### 2.5.6 IDAFAT̄ ISM AL-TAFDIL

Idafat̄ Ism al-Tafdil termasuk dalam al-Idafat̄ al-Mahdat̄.<sup>72</sup> Ini adalah pendapat nahuwan Kufah. Maksud dari struktur al-Idafat̄ ini adalah untuk memisahkan mudaf dan mudaf ilayh dengan partikel genitif مِنْ. Mudaf diidafat̄kan kepada kumpulannya dan di dalamnya terdapat makna kata kerja, bukan makna hal atau tamyiz dan tidak terletak setelah رُبٌّ. Contohnya adalah : زَيْدٌ أَمَّهُرُ التَّلَامِيْدِ ‘Zaid adalah murid yang paling pandai’. Jika diandaikan dengan partikel genitif مِنْ menjadi زَيْدٌ أَمَّهُرٌ مِنَ التَّلَامِيْدِ ‘Zaid adalah murid yang paling pandai di antara murid-murid’.

### 2.5.7 IDAFAT̄ آل

Lafaz آل berasal dari perkataan أول. Waw ditukar kepada alif kerana ia berbaris dan huruf sebelumnya pun berbaris. Dalilnya adalah dari pertuturan orang Arab yang

<sup>72</sup> Al-Suyutiyy, Hilal al-Din Abd al-Rahman bin Abu Bakr. 1998. *Hima‘ al-Hawāmi‘ Fi Syarh Jam‘ al-Jawāmi‘*. Cet.2. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat̄, h. 416.

mengatakannya dengan أُوَيْلَ. Maknanya adalah أَهْلُ ‘keluarga dan kerabat’. Lafaz آلٍ selalu diidafatkan kepada kata nama khas.<sup>73</sup> Contohnya adalah kata nama آلٍ yang diidafatkan kepada kata nama khas مُحَمَّدٌ berikut :

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

‘Ya Allah limpahkan selawat kepada nabi Muhammad dan keluarga nabi Muhammad’

### 2.5.8 IDAFAT MU’AKKAD KEPADA MU’AKKID

Idafat mu’akkad kepada mu’akkid adalah bahagian mulhaqat al-Idafat Ghayr al-Mahdat dan banyak terdapat dalam kata nama masa samar.<sup>74</sup> Contohnya adalah :

إِذَا اشْتَدَّتْ وَقْدَةُ الصَّيْفِ أَسْرَعَ النَّاسُ إِلَى سَوَاحِلِ الْبَحَارِ ، لِيَقُومُوا بِهَا مَا وَسَعَهُمُ الْأَمْرُ ، وَحِينَئِذٍ يَنْعَمُونَ بِحَوْ مُعْتَدِلٍ وَهَوَاءٍ رَطْبٍ مُنْعَشٍ

‘Jika kepanasan musim panas telah bersangatan, orang-orang segera pergi ke pantai untuk melaksanakan urusan yang boleh dikerjakan di sana. Ketika itu mereka menikmati cuaca yang sederhana dan udara yang lembab lagi segar’.

Lafaz mu’akkadnya adalah حِينَ yang merupakan kata nama masa mubham (samar) yang diidafatkan kepada mu’akkidnya, iaitu lafaz إِذٍ. Lafaz إِذٍ ini diidafatkan kepada kepada ayat kerjaan kala kini yang digugurkan dan digantikan dengan tanwin menjadi إِذٍ. Asalnya adalah حِينَ إِذٍ يُقِيمُونَ بِهَا مَا وَسَعَهُمُ الْأَمْرُ يَنْعَمُونَ بِحَوْ مُعْتَدِلٍ وَهَوَاءٍ رَطْبٍ مُنْعَشٍ ‘Ketika mereka melaksanakan urusan yang boleh dikerjakan di sana, mereka menikmati cuaca yang sederhana dan udara yang lembab lagi segar’. Ayat kala kini yang digugurkan adalah حِينَ إِذٍ يُقِيمُونَ بِهَا مَا وَسَعَهُمُ الْأَمْرُ dan ia adalah mudaf ilayh.

<sup>73</sup> *Ibid.*, h. 425

<sup>74</sup> ‘Abbas Hasan. 1974. *Al-Nahw al-Wāfiyy. Juzuk.3*. Mesir : Dar al-Ma‘arif, h. 45



Sebahagian nahuwan Arab berpandangan bahawa struktur al-Idafat seperti ini adalah Idafat 'am kepada khas, bukan mu'akkad kepada mu'akkid kerana kata keterangan kedua mengkhususkan ayat yang berposisi sebagai mudaf ilayh, iaitu ayat kala kini yang digugurkan dan tempatnya digantikan oleh tanwin.<sup>75</sup>

### 2.5.9 IDAFAT SESUATU KEPADA NAMANYA

Idafat sesuatu kepada namanya dinamakan juga al-Idafat al-Bayaniyyat yang bermaksud kata nama pertama menjelaskan kata nama kedua.<sup>76</sup> Struktur al-Idafat seperti ini banyak digunakan dalam bahasa Arab, seperti Idafat hari dan ilmu. Contohnya adalah : يَوْمَ الْخَمِيسِ 'hari khamis' dan عِلْمُ الْحِسَابِ 'ilmu mengira'. Idafat sesuatu kepada namanya adalah bahagian dari mulhaqat al-Idafat Ghayr al-Mahdat.<sup>77</sup>

Bentuk struktur al-Idafat ini juga dapat dilihat dalam contoh berikut : لَقِيتُ بِهِ 'Saya bertemu dengannya pada suatu malam' dan دَارُهُ ذَاتَ الْيَمِينِ 'Rumahnya di sebelah kanan'. Syaykh Mustafa al-Ghalayayniyy mengatakan bahawa struktur al-Idafat seperti ini disebut juga Idafat 'am kepada khas.<sup>78</sup>

### 2.5.10 IDAFAT KATA NAMA KEPADA KATA NAMA YANG BERSINONIM

Kata nama tidak boleh diidafatkan kepada sinonimnya, seperti Idafat لَيْثٌ 'singa' kepada sinonimnya أَسَدٌ kecuali apabila kedua-dua mudaf dan mudaf ilayh adalah dua kata nama 'alam, contohnya Idafat مُحَمَّدٌ kepada خَالِدٌ menjadi مُحَمَّدٌ خَالِدٌ.<sup>79</sup>

<sup>75</sup> *Ibid.*

<sup>76</sup> *Ibid.*, h. 42.

<sup>77</sup> *Ibid.*, h. 41.

<sup>78</sup> Syaykh Mustafa al-Ghalayayniyy. 1997. *Jami' al-Durus al-'Arabiyyat. Juzuk.3. Cet.2.* Beirut : al-Maktabat al-'Asriyyat, h. 212.

<sup>79</sup> *Ibid.*, h. 211

### 2.5.11 IDAFAT KATA NAMA MASA

Kata nama masa selalu diidafatkan kepada kata kerja.<sup>80</sup> Contohnya Idafat kata nama masa مُنْذُ ‘sejak’ dan مُذُ ‘sejak’ dalam ayat berikut :

مَا رَأَيْتَكَ مُنْذُ دَخَلَ الشِّتَاءُ وَمُنْذُ قَدِمَ الْأَمِيرُ

‘Saya tidak melihatmu sejak musim sejuk tiba dan sejak pemimpin itu datang’

Dalam ayat di atas kata nama masa مُنْذُ ‘sejak’ di atas diidafatkan kepada ayat دَخَلَ الشِّتَاءُ ‘musim sejuk tiba’ dan kata nama masa مُذُ ‘sejak’ diidafatkan kepada ayat قَدِمَ الْأَمِيرُ ‘pemimpin itu datang’.

Kata nama masa juga dapat diidafatkan kepada ayat permulaan (جملة ابتدائية).<sup>81</sup>

Contohnya adalah :

أَتَيْتَكَ زَمَنَ الْحَجَّاجِ أَمِيرٍ وَإِذِ الْخَلِيفَةُ عَبْدُ الْمَلِكِ

‘Saya datang kepadamu ketika al-Hajjaj menjadi pemimpin dan ketika khalifahny

‘Abd al-Mulk’

Kata nama masa زَمَنَ ‘ketika’ diidafatkan kepada ayat permulaan الْحَجَّاجِ أَمِيرٍ ‘al-Hajjaj menjadi pemimpin’ dan kata nama masa إِذِ diidafatkan kepada ayat الْخَلِيفَةُ عَبْدُ الْمَلِكِ ‘khalifah adalah ‘Abd al-Mulk’.

<sup>80</sup> Al-Zamakhshariyy. 1999. *Al-Mufasssal Fi Sun‘at al-I‘rab*. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat, h. 132.

<sup>81</sup> *Ibid.*, h. 133

### 2.5.12 AL-IDAFAT YANG LEMAH HUBUNGANNYA

Al-Idafat yang lemah hubungannya atau al-Idafat Li Adna al-Mulabasat bermaksud al-Idafat yang terjadi jika hubungan antara mudaf dan mudaf ilayh lemah.<sup>82</sup> Contohnya adalah شَمْسُ مَكَّةَ سَاطِعَةٌ ‘Matahari Mekah memancarkan cahaya’. Hubungan antara mudaf شَمْسُ ‘matahari’ dan mudaf ilayh مَكَّةَ ‘Mekah’ lemah kerana شَمْسُ ‘matahari’ tidak dikhususkan untuk مَكَّةَ ‘Mekah’ sahaja tapi juga untuk negeri lain.

### 2.5.13 AL-IDAFAT YANG KUAT HUBUNGANNYA

Al-Idafat yang kuat hubungannya atau al-Idafat al-Qawiiyyat al-Mulabasat ialah al-Idafat yang hubungan antara mudaf dan mudaf ilayhnya kuat dan menunjukkan sesuatu yang berkaitan dengan makna, iaitu mendefinitkan mudaf jika mudaf ilayhnya definit dan mengkhususkan mudaf jika mudaf ilayhnya indefinit.<sup>83</sup> Partikel Genitif yang diandaikan antara mudaf dan mudaf ilayh dapat dimunculkan, sama ada partikel فِيْ مِنْْ atau اللّامْ sebagaimana telah dihuraikan dalam al-Idafat al-Ma‘nawiiyyat.

### 2.5.14 IDAFAT KATA NAMA MULGHA KEPADA KATA NAMA MU‘TABAR

Idafat kata nama mulgha kepada kata nama mu‘tabar bermaksud Idafat kata nama tambahan kepada kata nama asal.<sup>84</sup> Kata nama tambahan ini boleh digugurkan tanpa merosak makna asal. Contohnya adalah :

أَلْقَيْتُ اسْمَ السَّلَامِ عَلَيْكُمْ

<sup>82</sup> ‘Azizat Fawwal Babatiyy. 1993. *al-Mu‘jam al-Mufasssal Fi al-Nahw al-‘Arabiyy. Juzuk. I.* Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat, h. 190.

<sup>83</sup> *Ibid.*

<sup>84</sup> *Ibid.*, h. 191

‘Saya mengucapkan kata al-salam ‘alaykum’

Kata nama tambahan dalam contoh ini adalah اسم. Jika ia digugurkan, tidak merosak makna asalnya. Asalnya adalah أَقْبَيْتُ السَّلَامَ عَلَيْكُمْ ‘Saya mengucapkan ‘al-salam ‘alaykum’. Idafat\_ kata nama mulgha kepada kata nama mu‘tabar termasuk dalam mulhaqat al-Idafat\_ Ghayr al-Mahdat.<sup>85</sup>

### 2.5.15 IDAFAT\_ KATA NAMA MU‘TABAR KEPADA KATA NAMA MULGHA

Idafat\_ kata nama mu‘tabar kepada kata nama mulgha bermaksud Idafat\_ kata nama asal kepada kata nama tambahan tanpa menimbulkan perubahan makna dengan mengugurkannya.<sup>86</sup> Contohnya adalah :

دَخَلْتُ بَغْدَادَ الْعِرَاقِ لَيْلًا

‘Saya memasuki Baghdad Iraq pada malam hari’

Jika kita mengatakan : دَخَلْتُ بَغْدَادَ لَيْلًا ‘Saya memasuki Baghdad pada malam hari’, maknanya tidak berubah sebab Baghdad berada di Iraq. Idafat\_ kata nama mu‘tabar kepada kata nama mulgha termasuk dalam mulhaqat al-Idafat\_ Ghayr al-Mahdat.<sup>87</sup>

### 2.5.16 IDAFAT\_ KATA GABUNG PEMADUAN

Kata gabung ialah tiap-tiap dua perkataan yang tersusun secara mazjiyy (pemaduan) dan dibina menjadi satu perkataan.<sup>88</sup> Contohnya adalah بَيْتُ لَحْمٍ ‘Betlehem,

<sup>85</sup> Abbas Hasan. 1974. *Al-Nahw al-Wafiyy. Juzuk.3*. Mesir : Dar al-Ma‘arif, h. 46

<sup>86</sup> ‘Azizat Fawwal Babatiyy. 1993, *op.cit.*, h. 191

<sup>87</sup> Abbas Hasan. 1974, *op.cit.*

<sup>88</sup> Syaykh Mustafā al-Ghalayayniyy. 1997. *Jami‘ al-Durus al-‘Arabiyyat. Juzuk 1. Cet.2*. Beirut : al-Maktabat al-‘Asriyyat, h. 16

iaitu satu kota di Palestin, tempat lahir nabi Isa a.s'. Kata gabung ini terdiri campuran dua perkatan. Mudafnya adalah **بَيْتٌ** dan mudaf ilayhnya adalah **لَحْمٍ**. Idafat\_ kata gabung pepaduan ini termasuk dalam mulhaqat al-Idafat\_ Ghayr al-Mahdat.<sup>89</sup>

### **2.5.17 IDAFAT\_ KUNYAT\_**

Kunyat\_ adalah kata nama khas yang susunan perkataannya adalah berbentuk al-Idafat\_, dengan syarat mudafnya adalah terdiri daripada salah satu perkataan berikut, iaitu **أُخْتٌ**, **أَخٌ**, **ابْنٌ**, **بِنْتُ**, **أُمٌّ**, **بِنْتُ**, **عَمَّةٌ**, **عَمٌّ**, **خَالَ** dan **خَالَةٌ**.<sup>90</sup> Contohnya pada perkataan **أَبُو الْحُصَيْنِ** yang merujuk kepada haiwan 'musang'. Idafat\_ Kunyat\_ ini termasuk kepada mulhaqat al-Idafat\_ Ghayr al-Mahdat.<sup>91</sup>

## **2.6 PENGUGURAN AL-IDAFAT\_**

Dalam sesebuah ayat mudaf atau mudaf ilayh boleh digugurkan untuk tujuan tertentu, seperti menjimatkan ruang kerana maksudnya sudah difahami oleh pembaca atau pendengar. Di bawah ini akan dihuraikan bentuk-bentuk penguguran mudaf atau mudaf ilayh yang sering terjadi dalam sesebuah ayat.

### **2.6.1 PENGUGURAN MUDAF**

Mudaf boleh digugurkan dalam sesebuah ayat dengan tiga syarat sebagaimana akan dihuraikan dibawah ini :<sup>92</sup>

---

<sup>89</sup> Abbas Hasan. 1974, *op.cit.*

<sup>90</sup> *Ibid.*, Juzuk.1. h. 277

<sup>91</sup> *Ibid.*, Juzuk.3. h. 47

<sup>92</sup> *Ibid.*, h. 157

1. Terdapat qarīnāṭ atau petanda yang menunjukkan bahawa lafaz mudafnya sudah jelas atau ada lafaz lain yang menjelaskan maknanya. Penggugurannya tidak boleh menimbulkan kesamaran dan perubahan makna. Contohnya adalah :

حَدَّثَنِي التَّجَارِبُ أَنَّ مَنْ يَبْغِي بِسِلَاحِ الْبَاطِلِ يُقْتَلُ بِسِلَاحِ الْحَقِّ

‘Pengalaman telah mengatakan kepadaku bahawa barangsiapa yang menzalimi dengan senjata kebatilan akan dibunuh dengan senjata kebenaran’

Asalnya adalah أَهْلُ التَّجَارِبِ حَدَّثَنِي ‘Orang yang berpengalaman telah mengatakan kepadaku’. Dalam ayat ini mudaf ilayh menempati tempat mudaf yang digugurkan, iaitu lafaz أَهْلُ ‘orang yang ahli’.

2. Mudaf ilayh sah terletak di tempat mudaf yang digugurkan. Contohnya adalah :

وَصَلْتُ إِلَى عَمَلِي طُلُوعِ الشَّمْسِ

‘Saya sampai ke tempat kerja saya waktu terbit matahari’

Asalnya adalah وَصَلْتُ إِلَى عَمَلِي وَقْتَ طُلُوعِ الشَّمْسِ. Dalam ayat ini mudaf ilayh menempati tempat mudaf yang digugurkan, iaitu وَقْتَ ‘waktu’.

3. Mudaf ilayh mestilah di antara kata yang boleh menempati tempat mudaf yang digugurkan dalam hal i‘rabnya, seperti contoh-contoh di atas.

Dalam contoh-contoh di atas mudaf ilayh yang menempati tempat mudaf mestilah mengikut i‘rab dan baris mudaf yang digugurkan. Di samping itu boleh juga menggugurkan mudaf dan mengekalkan mudaf ilayh dalam keadaan genitif tanpa

menempati tempat yang digugurkan dalam i‘rab dan barisnya. Tapi keadaan ini jarang terjadi. Untuk bentuk ini ada dua syarat, iaitu :<sup>93</sup>

- a. Mudaf yang digugurkan di‘atafkan kepada perkataan yang diidafatkan dan telah disebut sebelumnya dan perkataan ini mestilah menyerupai mudaf yang telah digugurkan dari segi lafaz dan makna atau makna sahaja atau boleh juga berbentuk perkataan yang berlawanan. Contohnya adalah :

كُلُّ فِتْيٍ مُحَاسَبٌ عَلَى عَمَلِهِ ، وَفَتَاةٌ عَلَى عَمَلِهَا

‘Setiap pemuda itu dihisab dengan amalnya dan pemudi pun dari amalnya’

Asalnya adalah كُلُّ فِتَاةٍ ‘setiap pemudi’. Lafaz كُلُّ ‘setiap’ yang kedua digugurkan kerana ia bersambung dengan mudaf ilayh sebelumnya dan di‘atafkan kepada perkataan yang diidafatkan sebelumnya dari aspek lafaz dan makna.

- b. Huruf ‘ataf bersambung dengan mudaf ilayh – yang mudafnya telah digugurkan sebelumnya – atau berpisah dari mudaf ilayh dengan لا النافية. Contohnya adalah :

مَا كُلُّ سَوْدَاءَ فَحْمَةٌ ، وَلَا بَيْضَاءَ شَحْمَةٌ

‘Bukanlah setiap yang hitam itu arang dan bukanlah yang putih itu lemak’

Asalnya adalah وَلَا كُلُّ بَيْضَاءَ شَحْمَةٌ ‘Dan bukanlah setiap yang putih itu lemak’. Mudaf كُلُّ ‘setiap’ digugurkan dan di‘atafkan kepada kata yang sama lafaz dan makna dan dipisahkan oleh لا النافية yang terletak antara waw dan mudaf ilayh.

Jika mudaf ilayh adalah ayat, maka mudaf tidak boleh digugurkan. Contohnya adalah :

---

<sup>93</sup> *Ibid.*, h. 159.

ذَهَبْتُ إِلَى الْمَشْتَى حِينَ جَاءَ الشِّتَاءُ

‘Saya pergi ke daerah sejuk ketika musim sejuk tiba’

Lafaz حِينَ ‘ketika’ adalah mudaf dan mudaf ilayhnya adalah ayat جَاءَ الشِّتَاءُ ‘musim sejuk tiba’. Oleh itu pengguguran mudaf tidak boleh dilakukan.

## 2.6.2 PENGGUGURAN MUDAF ILAYH

Mudaf ilayh boleh digugurkan dalam sesebuah ayat. Ia mempunyai tiga bentuk, iaitu seperti berikut :<sup>94</sup>

1. Mudaf ilayh digugurkan dan maknanya tetap dimaksudkan. Dalam hal ini, kedudukan mudafnya mabniyy dengan baris hadapan dan tidak boleh mu’rab dan bertanwin. Bentuk ini dapat diwujudkan jika mudaf adalah lafaz غَيْرُ atau zarf yang menunjukkan tujuan, seperti قَبْلُ dan بَعْدُ. Contohnya adalah :

اسْتَشَارَ الْمَرِيضُ الطَّبِيبَ لَيْسَ غَيْرُ ، وَلَمْ يَسْمَعْ لِأَحَدٍ قَبْلُ

‘Pesakit itu minta nasihat daripada doktor bukan daripada selain dia dan tidak mendengar daripada seseorang pun sebelum doktor itu’

Asalnya adalah اسْتَشَارَ الْمَرِيضُ الطَّبِيبَ لَيْسَ أَحَدٌ غَيْرَ الطَّبِيبِ ، وَلَمْ يَسْمَعْ لِأَحَدٍ قَبْلُ الطَّبِيبِ. Mudaf ilayh yang digugurkan adalah الطَّبِيبِ ‘doktor’. Ketika mudaf ilayh ini digugurkan maknanya tetap dijaga dan lafaz غَيْرُ dan قَبْلُ mabniyy dengan baris hadapan.

2. Mudaf ilayh digugurkan, makna dan lafaznya tidak dimaksudkan. Dalam hal ini, mudaf kembali kepada keadaan i’rabnya sebelum diidafatkan. Tanwinnya

<sup>94</sup> *Ibid.*, h. 165.



dikekalkan seolah-olah ayat tersebut tidak ada struktur al-Idafaṭ. Bentuk-bentuk ini banyak dijumpai dalam bahasa Arab. Contohnya adalah :

تَشَعَّبَتْ فُرُوعُ التَّخَصُّصِ فَبَعْضُ زِرَاعِيٍّ ، وَبَعْضُ طِبِّيٍّ ، وَبَعْضُ هَنْدَسِيٍّ

‘Cabang-cabang spesialisasi ilmu itu pelbagai. Sebagiannya adalah pertanian, perubatan, dan arkitek’

Asalnya adalah بَعْضُ الْفُرُوعِ زِرَاعِيٍّ ، وَبَعْضُ الْفُرُوعِ طِبِّيٍّ ، وَبَعْضُ الْفُرُوعِ هَنْدَسِيٍّ.

Mudaf ilayh الْفُرُوعِ digugurkan. Lafaz dan maknanya tidak dimaksudkan. Oleh itu mudafnya ditanwinkan.

3. Mudaf ilayh digugurkan dan ketetapan maknanya tetap dimaksudkan. Dalam hal ini, mudaf tetap dalam keadaan sebelum digugurkan dan i‘rābnya tidak berubah serta tanwinnya dihilangkan. Contohnya adalah : أَنفَقْتُ رُبْعَ وَ نِصْفَ الْمَالِ ‘Saya menafkahkan seperempat dan setengah harta’. Asalnya adalah أَنفَقْتُ رُبْعَ الْمَالِ وَ نِصْفَ الْمَالِ. Mudaf ilayh pertama digugurkan setelah syaratnya dapat dipenuhi, iaitu adanya kata nama ma‘tuf, iaitu نِصْفَ ‘setengah’. Ma‘tuf ini adalah ‘amil pada lafaz lain, iaitu الْمَالِ. Mudaf ilayh kedua menunjukkan kepada mudaf ilayh pertama yang digugurkan.

### 2.6.3 PENGGUGURAN MUDAF DAN MUDAF ILAYH

Mudaf dan mudaf ilayh boleh digugurkan sekaligus, seperti dalam sajak Abu Daud ketika menyifatkan kilat :<sup>95</sup>

أَيًّا مَنْ رَأَى لِي رَأْيِي بَرَقَ شَرِيْقٍ # أَسَالَ الْبِحَارَ فَانْتَحَى لِلْعَيْنِيقِ

<sup>95</sup> Al-Zamakhshariyy. 1999. *Al-Mufaṣṣal Fi Sun‘at al-I‘rab*. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat, h. 140.

‘Siapa sahaja yang memberi pandangan kepadaku dengan pandangan kilat bersinar yang mencurah ke laut, lalu ia akan menuju ke gaung yang curam’

Dalam lafaz أَسَالَ الْبِحَارَ ‘mencurah ke laut’ terdapat mudaf dan mudaf ilayh yang digugurkan. Andaiannya adalah أَسَالَ مَاءَهُ ‘airnya mencurah’ atau سَقِيَا سَحَابُهُ الْبِحَارَ ‘awannya menyirami laut’. Mudaf dan mudaf ilayh yang digugurkan adalah مَاءَهُ ‘airnya’ atau سَحَابُهُ ‘awannya’.

## 2.7 SIFAT MUDAF DAN MUDAF ILAYH

Jika kata sifat terletak setelah struktur al-Idafat, seperti شَمْسُ الدِّينِ dan عَبْدُ الْعَزِيزِ, ia adalah sifat untuk mudaf kerana mudaf adalah maksud yang asasi dengan hukum ini, manakala mudaf ilayh adalah sebagai pengikat kecuali dalam dua keadaan, iaitu :<sup>96</sup>

1. Jika terdapat dalil yang menunjukkan bahawa maksud kata sifat adalah untuk mudaf ilayh. Contohnya adalah :

أَسْرِعْ إِلَى مُعَاوَنَةِ الصَّارِخِ الْمَلْهُوفِ ، وَلَا تَتَوَانَ فِي بَدْلِ الْجُهُودِ الصَّادِقَةِ لِإِنْقَاذِهِ

‘Bersegeralah kamu menolong orang yang berteriak minta tolong dan berduka.

Janganlah kamu berlambat-lambat memberikan usaha yang tulus untuk menyelamatkannya’

Kata sifat الْمَلْهُوفِ ‘yang berduka’ dan الصَّادِقَةِ ‘yang tulus’ adalah untuk mudaf ilayh الصَّارِخِ ‘yang berteriak minta tolong’ dan الْجُهُودِ ‘usaha’, bukan untuk mudaf. Dalil yang menunjukkan bahawa kata sifat ini untuk mudaf ilayh adalah maksud kata sifat الْمَلْهُوفِ ‘yang berduka’ yang maskulin sesuai untuk mudaf ilayh الصَّارِخِ ‘yang berteriak

<sup>96</sup> Abbas Hasan. 1974, *op.cit.* h. 167.

minta tolong' yang maskulin. Begitu juga dengan maksud kata sifat الصَّادِقَةُ 'yang tulus' yang feminin sesuai untuk mudaf ilayh الجُهُودِ 'usaha' yang feminin.

2. Jika mudaf adalah lafaz كُلُّ 'setiap'. Dalam keadaan ini lebih baik menjaga mudaf ilayh kerana ia adalah maksud asasnya. Adapun mudaf كُلُّ 'setiap' menunjukkan makna umum. Contohnya adalah :

كُلُّ فِتَاةٍ مُهَدَّبَةٍ هِيَ دِعَامَةٌ لِرُفِيِّ وَطَنِهَا ، وَإِسْعَادٍ أَهْلِهَا

'Setiap pemudi yang beradab adalah tiang bagi kemajuan negerinya dan kebahagiaan keluarganya'

Kata sifat مُهَدَّبَةٍ 'yang beradab' dalam ayat di atas adalah untuk mudaf ilayh فِتَاةٍ 'pemudi' kerana ia adalah maksud asasnya. Mudaf كُلُّ 'setiap' menunjukkan makna yang umum. Sekiranya mudaf كُلُّ 'setiap' dijaga dalam contoh ini, ia adalah lemah.

## 2.8 KESIMPULAN

Struktur al-Idafaṭ dalam bahasa Arab mempunyai kaedah yang pelbagai. Kepelbagaian struktur al-Idafaṭ ini dapat dilihat dari bentuk dan hukum-hukumnya, sama ada yang wajib mahupun yang harus. Paparan yang dikemukakan dalam bab kedua ini dapat menambah pengetahuan kita bahawa bahasa Arab adalah bahasa yang kaya dengan kaedah tatabahasa.